


**Jilid IV
Bil. 12**



**Hari Rabu
5hb April, 1978**

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1297]

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Timbalan Yang di-Pertuan
Agong [Ruangan 1335]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATUK HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- .. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- .. Menteri Perhubungan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**
- .. Menteri Undang-undang, **DATUK SRI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- .. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- .. Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).**
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**
- .. Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- .. Menteri Perusahaan Utama, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**
- .. Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDBEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- .. Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**
- .. Menteri Pelajaran, **DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- .. Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).**
- .. Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, **TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).**
- .. Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

- Yang Berhormat Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah,
 DATUK HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
 DATO SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P.,
 P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG, A.D.K. (Labuk-Sugut).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Mengelembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N.
 (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

- Yang Berhormat** TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA (Maran).
- .. TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- .. TUAN JAAFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- .. TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- .. TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. TAN SRI DATO' LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).
- .. TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- .. TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- .. TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- .. DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- .. TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- .. DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., B.K., J.P. (Sandakan).
- .. DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- .. DATUK LOH FOOK YEN (Kluang).
- .. TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- .. TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- .. DATUK ALBERT MAH, D.P.M.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- .. TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K., P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- .. TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- .. DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- .. TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- .. DATUK MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- .. DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- .. TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- .. TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- .. TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K. (Hilir Padas).
- .. TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- .. DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- .. TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).

- Yang Berhormat** TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA DATO' NASRON BIN ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 5hb April, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAANKUMPULAN WANG SIMPANAN
PEKERJA—KEMUDAHAN PINJAMAN

1. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kriterianya apabila menimbangankan memberi kemudahan pinjaman wang kepada pencarum-pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk membeli rumah, tanah dan lain-lain.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (K.W.S.P.) tidak memberi pinjaman-pinjaman kepada pencarum-pencarum untuk tujuan membeli rumah, tanah dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pinjaman-pinjaman boleh diberi kepada pencarum-pencarum K.W.S.P. untuk membeli rumah dengan syarat pencarum tersebut atau isteri/suaminya belum lagi mempunyai rumah. Pinjaman ini diuruskan oleh Syarikat Perumahan Malaysia Berhad (M.B.S.B.) untuk membeli rumah-rumah harga rendah dalam sekim-sekim yang diluluskan oleh M.B.S.B. Pinjaman maksima yang boleh diperolehi dari M.B.S.B ialah 90% daripada nilai harga tanah dan rumah.

Sekiranya pinjaman daripada M.B.S.B. tidak mencukupi untuk tujuan tersebut maka pencarum-pencarum K.W.S.P. bolehlah mengeluarkan dari simpanan mereka daripada K.W.S.P. sebanyak 10% daripada harga pembelian atau \$2,000 yang mana lebih rendah dengan syarat jumlah simpanan

mereka di dalam K.W.S.P. adalah mencukupi. Tempoh maksima bayaran balik pinjaman ialah 20 tahun asalkan umur peminjam tidak melebihi 65 tahun di akhir tempoh bayaran balik pinjaman itu.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan jikalau permohonan untuk mendapat peruntukan daripada K.W.S.P. ialah melalui M.B.S.B. Tetapi kalau seseorang tidak dapat peruntukan atau pinjaman daripada M.B.S.B. macam manakah mereka boleh mendapat pinjaman daripada E.P.F.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan tadi pinjaman itu tidak boleh dapat dari K.W.S.P. (E.P.F.) tetapi pinjaman ini akan diberi oleh M.B.S.B. dengan syarat-syarat yang saya sebutkan tadi dan kalau peminjam tidak mempunyai wang yang cukup, beliau boleh dapat 10% pinjaman dari E.P.F.

Raja Dato' Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan syarat-syarat untuk mendapat pinjaman untuk membeli rumah daripada K.W.S.P. Memandang kepada harga rumah sekarang ini begitu mahal dan juga syarat-syarat yang dikenakan oleh pemaju-pemaju perumahan, tidakkah dapat Kementerian yang berkenaan mengkaji semula syarat-syarat yang dikenakan sekarang kerana kalaulah 10% sahaja dibenarkan pinjaman memang tidak mencukupi untuk mendahulukan wang muka itu.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Itu boleh ditimbangkan.

SYARIKAT-SYARIKAT PELABURAN
KERAJAAN

2. **Tuan Shaari bin Jusoh** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa firma-firma swasta di

dalam mana Kerajaan Persekutuan dan Negeri telah melabur sedang mengalami kerugian dengan teruknya kerana salah pengurusan dan pentadbiran, jika ya, nyatakan apakah tindakan akan diambil mengenai perkara ini.

Menteri Tak Bertanggungjawab (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah terlalu umum dan saya akan menjawabnya secara umum juga.

Kerajaan memang sedar terdapat syarikat-syarikat di mana Kerajaan membuat pelaburan mengalami kerugian. Sukacita juga dinyatakan bahawa ada banyak syarikat-syarikat di mana Kerajaan Persekutuan ada melabur dan telah menghasilkan keuntungan yang memuaskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada setiap masa Kerajaan mengawasi pengurusan dan pentadbiran syarikat di mana Kerajaan Persekutuan ada melabur. Selain daripada itu pihak Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang perlu di dalam proses "accountability" ini ke atas mana-mana anak-anak syarikat yang terbukti menghadapi kelemahan dan kesalahan pentadbiran serta pengurusan melalui penyata keuntungan dan kerugian mereka. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan mewujudkan sebuah Kerajaan yang bersih dan efektif.

MALAYSIA AIRLINE SYSTEM— AIRPORT TAX

3. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Haji Abdullah bertanya kepada Menteri Perhubungan, adakah Kerajaan sedar bahawa MAS (Malaysia Airline System) di Singapura tidak mahu menerima wang ringgit Malaysia bagi bayaran airport tax melainkan dipotong commission ringgit kita mengikut pasaran private (bukan mengikut potongan bank) sedangkan Subang Airport menerima bayaran airport tax dengan dollar Singapura tanpa potongan commission mengikut pasaran dan adakah Kerajaan Malaysia memandang berat perkara ini dan mengambil tindakan sewajarnya.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, bayaran airport tax di Singapura dipungut oleh Syarikat MAS bagi pihak

Penguasa Singapura, dan bayaran itu hendaklah dengan matawang Singapura. Tetapi, jika sekiranya bayaran itu dibuat dengan matawang Malaysia, maka perlulah matawang Malaysia itu ditukarkan dengan matawang Singapura. Harga penukaran matawang Malaysia dengan matawang Singapura ditetapkan sebulan sekali oleh kerana harga pertukaran mengikut pertukaran bank yang berubah dari masa ke semasa.

Di Lapangan Terbang Subang pula, matawang Singapura boleh diterima oleh kerana pungutan yang dibuat oleh MAS itu adalah bagi pihak berkuasa Lapangan Terbang Subang.

"BUANG DAERAH"—MENGHAPUSKAN HUKUMAN

4. Tuan Abu Bakar bin Arshad meminta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau bercadang hendak menghapuskan hukuman "Buang Daerah" kepada penjenayah-penjenayah dan menggantikan satu hukuman yang lebih berat dengan lebih berkesan lagi. Jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, tindakan sekatan atau pengawasan polis adalah diambil terhadap penjenayah-penjenayah yang telah beberapa kali menjalani hukuman penjara atau selepas mereka dibebaskan daripada tahanan berikutan dari kegiatan jenayah yang telah mereka lakukan. Mereka yang disekat secara langsung adalah mereka yang telah melakukan jenayah atau kegiatan-kegiatan haram dan subversif yang tidak melibatkan kekerasan. Oleh kerana tindakan sekatan atau pengawasan polis itu telah didapati berkesan, maka Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskannya.

BIJIH TIMAH—PENYELUDUPAN

5. Tuan Haji Ikhwan bin Nasir (di bawah S.O. 24 (2)) bertanya kepada Menteri Kewangan:

(a) sepanjang tahun 1977 berapa banyak kes-kes penyeludupan bijih timah telah dapat dikesan dan di manakah penyeludupan ini kerap berlaku dan apakah tindakan yang telah diambil mengenai perkara ini; dan

- (b) masa yang diambil oleh mahkamah untuk menyelesaikan kes-kes penyeludupan ini dan samada kenderaan yang digunakan dalam penyeludupan ini juga dirampas dan jika ya, nyatakan bilangan kenderaan sedemikian itu di dalam simpanan Kerajaan yang belum dihapuskan dan apakah langkah yang diambil supaya Kerajaan tidak payah menyimpan kenderaan-kenderaan ini.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sepanjang tahun 1977 sejumlah 97 kes-kes penyeludupan bijih timah telah dapat diberkas. Dari jumlah 97 kes-kes tersebut 91 daripadanya adalah daripada Johor Bahru. Selain daripada pengawasan yang ketat badan-badan penguatkuasa sentiasa berwaspada terhadap cara-cara baru yang digunakan oleh penyeludup-penyeludup bijih timah agar sebarang percubaan penyeludupan dapat dipatahkan.
- (b) Pada lazimnya mahkamah mengambil masa kira-kira seminggu untuk menyelesaikan kes-kes penyeludupan ini melainkan pihak-pihak yang ditangkap itu menuntut bela atau ulang bicara. Di dalam keadaan yang demikian adalah terpulang kepada mahkamah untuk menentukan jadual bagi kes-kes tersebut dibicarakan semula.

Semua jenis kenderaan yang digunakan dalam kegiatan-kegiatan penyeludupan ini adalah dirampas. Sejumlah 26 kenderaan dan 3 bot yang mana kesnya masih dalam siasatan lanjut atau tindakan mahkamah terdapat dalam simpanan Kerajaan untuk mengatasi masalah penyimpanan kenderaan berkenaan Seksyen 115 dalam Akta Kastam telahpun dipinda untuk membolehkan pelepasan sementara bagi kenderaan yang digunakan di dalam kesalahan tertakluk kepada cagaran yang mencukupi dibuat dan syarat-syarat yang ditentukan oleh Jabatan Kastam dipatohi. Tetapi kenderaan yang mempunyai tempat sembunyi khas (secret compartment) untuk menyorok barang-barang salah tidak selalunya dilepaskan untuk sementara waktu sehingga perbincangan di mahkamah.

KEMPEN KEBERSIHAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

6. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa kempen kebersihan di Bandaraya Kuala Lumpur yang dilancarkan dalam tahun 1970 hanyalah untuk sementara sahaja. Kekotoran membuang sampah (samada pontong rokok, tiket bas, bungkus makanan dan lain-lain) boleh didapati di merata tempat dan papan-papan tanda larangan membuang sampah hanya untuk pertunjukan sahaja. Taiwan dan Singapura menguat-kuasakan undang-undang sepenuhnya dan berjaya. Samada Kerajaan akan menguatkuasakan undang-undang kebersihan, melintas tanpa mengikut isyarat lampu dan jika ya, bila.

Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan S. Subramaniam):

Tuan Yang di-Pertua, kempen kebersihan masih terus dijalankan dan di masa akan datang ianya akan dijadikan satu kegiatan tetap oleh Dewan Bandaraya. Walau bagaimanapun, disebabkan para Merinyu Kesihatan terpaksa menjalankan tugas-tugas biasa mereka, kerja-kerja Kempen Kebersihan adalah terhad kepada hari-hari tertentu di dalam satu minggu dan selain dari pihak Dewan Bandaraya menjalankan kempen tersebut secara besar-besaran, dari masa ke semasa (periodical).

Dalam tahun 1973 persediaan telah dibuat untuk mengadakan satu Pasukan Mencegah Kekotoran yang mana pada masa ini pegawai-pegawai untuk tujuan itu sedang diberi latihan. Kerja-kerja sepenuh masa akan dilancarkan setelah pegawai-pegawai ini tamat latihan nanti.

Kuala Lumpur adalah salah satu daripada sebilangan kecil bandar-bandar yang mempunyai Undang-undang Mencegah Kekotoran. Ramai mereka yang datang dari seluruh negara, bila berkunjung ke Kuala Lumpur tidak mengetahui adanya undang-undang serupa ini dan ini adalah amat menyulitkan. Pentadbiran Dewan Bandaraya berharap supaya mereka ini apabila datang ke Kuala Lumpur akan mengetahui tentang Undang-undang ini dan mematuhiinya.

Undang-undang melintas tanpa mengikut isyarat lampu sedia ada di dalam Ordinan Lalulintas Jalan (Road Traffic Ordinance) dan telah dikuatkuasakan oleh pihak Polis dan Traffic Warden.

BATU CAVES—PEMECAHAN BATU

7. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memberikan laporan kemajuan ke atas kajian yang dibuat oleh jawatankuasa seramai sembilan orang yang dilantik pada tahun lalu oleh Kerajaan untuk menilai kerosakan dan masalah pencemaran akibat pemecahan batu Caves.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di dalam bulan April tahun lalu berikutan daripada suatu taklimat yang khas yang diberi kepada Kerajaan Negeri Selangor mengenai masalah-masalah alam sekitar di Batu Caves. Tujuan Jawatankuasa ini ialah untuk menilai masalah-masalah alam sekitar yang disebabkan oleh kegiatan kegiatan kuari di kawasan Batu Caves. Jawatankuasa ini telah menyiapkan suatu draf memorandum yang pada masa ini sedang diteliti dengan lebih lanjut untuk dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk pertimbangan dan tindakan mereka. Memorandum ini telah membentangkan masalah-masalah yang timbul daripada kerja-kerja kuari, menilai alternatif yang ada untuk mengatasi masalah-masalah tersebut serta menyarankan perakuan-perakuan kepada Kerajaan Negeri mengenai cara yang terbaik untuk diambil di dalam usaha bagi mengatasi masalah-masalah ini.

PUKAT TUNDA THAILAND

8. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Pertanian menyatakan adakah pihak Kementerian ini telah membuat tindakan ke atas bot-bot pukat tunda besar Thailand yang mengancam pendapatan nelayan-nelayan di Pantai Timor Malaysia.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian telah mengambil tindakan ke atas bot-bot besar Thailand yang mencero bohi

masuk perairan pantai Timor Malaysia dengan menangkap nelayan-nelayan berkenaan serta mengenakan denda dan bot-bot mereka dirampas.

Mengikut catitan hingga bulan September tahun lalu sebanyak 31 kes telah dibicarakan dan 308 orang nelayan ditangkap dan 7 buah bot telah dirampas.

KATIL KEKURANGAN DI HOSPITAL

9. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar tentang kekurangan katil-katil di hospital-hospital dalam negeri ini sehingga pegawai-pegawai Kerajaan yang layak menduduki wad kelas II terpaksa ditempatkan dalam wad kelas III, jika ya, bilakah kekurangan ini akan dapat diatasi.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa masih terdapat kekurangan katil-katil bagi hospital-hospital. Bilangan katil yang diperakukan ialah 2 buah katil bagi tiap-tiap seribu orang penduduk. Tetapi pada ketika ini, kadarnya ialah 1.8 bagi tiap-tiap seribu penduduk. Untuk mengatasi kekurangan ini, Kementerian Kesihatan telah mencadangkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, pembinaan beberapa buah hospital yang baru serta menambahkan bilangan wad di hospital-hospital yang sedia ada sekarang. Oleh yang demikian, bilangan katil-katil akan bertambah di akhir Rancangan Malaysia Ketiga.

Saya juga sedar akan kekurangan katil-katil bagi wad kelas II dan I di beberapa buah hospital. Kekurangan ini bertambah buruk disebabkan oleh bilangan besar kakitangan-kakitangan Kerajaan yang berkelakuan untuk mendapat rawatan di wad-wad kelas I dan II. Walau bagaimanapun, Kementerian ini sedang merancang penambahan katil-katil di wad kelas II dan I bagi semua hospital, di mana mustahak dan perlu.

KANTIN SEKOLAH

10. Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar minta Menteri Pelajaran menyatakan bagi menyemai semangat koperasi samada Kementerian bercadang supaya pengurusan

kantin-kantin sekolah dijalankan oleh kope-rasi guru-guru/murid-murid di sekolah-sekolah berkenaan tidak sebagaimana seka-rang pengurusan kantin dijalankan oleh orang-orang persendirian dengan cara tender. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin): Tuan Yang di-Pertua, kantin-kantin sekolah adalah dijalankan dengan beberapa cara, dan di antaranya ada cara di mana guru-guru dan murid-murid bekerjasama menjalankan kantin untuk faedah semuanya. Kedudukan seperti itu hanya di-jalankan di sekolah kecil di mana suasana sesuai untuk pengurusan kantin oleh golongan guru-murid.

Walau bagaimanapun, pengurusan kantin di sekolah-sekolah besar akan memakan tenaga dan masa. Oleh itu sekiranya pengu-rusan kantin di sekolah-sekolah sedemikian diberi kepada koperasi guru-guru/murid seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tidak dapat tidak pelajaran di sekolah akan terganggu.

SENJATAPI—JENIS DAN BILANGAN LESEN

11. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apa-kah syarat kepada seseorang awam supaya boleh mendapat kebenaran memiliki senja-tapi, dan berapakah banyaknya senjatapi yang telah diberi kebenaran mengikut jenis-jenisnya kepada orang-orang awam.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan dalam menimbangkan per-mohonan senjatapi bagi orang awam adalah seperti berikut:

Pistol dan revolver serta senapang untuk menjaga diri dan harta. Pertimbangan di-buat berdasarkan mustahaknya dan keper-luan seseorang itu memiliki senjatapi serta berupaya menjaga keselamatan dan tahu pula menggunakannya.

Senapang patah untuk menjaga musuh-musuh tanaman. Pertimbangan dibuat ber-dasarkan perkara-perkara seperti mem-punyai tanah yang berpatutan luasnya, jenis tanaman yang perlu dikawal dengan senjatapi, lapuran Pegawai Pertanian dan sara hidup pemohon samada bergantung atas hasil pertanian.

Permohonan senapang patah oleh ahli RELA untuk tugas-tugas RELA, lazimnya diluluskan jika pegawai RELA tempatan mengesahkan yang ahli tersebut benar-benar menjalankan tugas RELA dengan aktif iaitu berkawal atau meronda malam dan se-bagainya.

Senjatapi untuk memburu sebagai sport adalah tidak digalakkan. Senjatapi untuk sukan, ahli-ahli kelab menembak digalak-kan menggunkan senjatapi kepunyaan kelab sendiri.

Sehingga 31hb Disember, 1977 sejumlah 62,680 senjatapi telah dilesenkan kepada orang awam iaitu:

Pistol/revolvers	6,342
Senapang patah	49,648
Rifles	3,554
Carbines	42
Air rifles	1,152
Air pistols	105
Spear guns	305
Fastening tools	1,296
Jenis-jenis lain	236
Jumlah	62,680

SUBSIDI KEPADA PETANI/NELAYAN

12. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Pertanian menyatakan samada Kem-entarian beliau bercadang hendak memen-bah subsidi kepada petani-petani dan nela-yan-nelayan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Jika ya, bolehkah beliau mengumum-kan jumlah subsidi bagi tiap-tiap negeri dalam Semenanjung Malaysia.

Dato' Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian tidak ber-cadang kerana bantuan yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga adalah difikirkan patut. Peruntukan adalah seperti berikut:

Jabatan Perikanan	Jabatan Pertanian	
Subsidi Nelayan	Rancangan Input dan mempelbagaikan pertanian	Rancangan Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil Kelapa
\$	\$	\$
70,000,000	16,590,000	12,000,000

BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA

13. Tuan Chin Hon Ngian (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan bahawa Fasal 1364 Rancangan Malaysia Ketiga menyatakan “langkah-langkah akan diambil supaya menjamin bahawa Bahasa Inggeris diajar sebagai bahasa kedua yang penting”. Semenjak pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga, tidak ada tindakan-tindakan terang yang diambil supaya menjamin bahawa matlamat-matlamat ini akan tercapai. Oleh kerana perkara ini mustahak sekiranya Malaysia ingin menyelaraskan dengan perkembangan-perkembangan sains dan teknologi di dunia dan menyertai dengan berkesan dalam perdagangan dan perniagaan antarabangsa, apakah rancangan beliau ada supaya menjamin bahawa matlamat memperkuatkan Bahasa Inggeris dicapai.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berbagai-bagai langkah telahpun dan akan diambil oleh Kementerian Pelajaran bagi menentukan bahawa Bahasa Inggeris diajarkan sebagai bahasa kedua yang penting dalam sistem persekolahan kita. Di antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Berbagai-bagai rancangan seperti pembinaan bahan-bahan bacaan Bahasa Inggeris untuk sekolah dan rancangan tambahan bagi sekolah menengah sedang diusahakan agar murid-murid mendapat pendedahan yang lebih banyak untuk menambahkan lagi taraf penguasaan bahasa mereka.
- (ii) Satu langkah yang penting sedang diambil oleh Kementerian Pelajaran iaitu melancarkan satu projek penyelidikan mengenai taraf bahasa Inggeris yang diperlukan dalam tahun-tahun lapan puluhan. Dari hasil kajian ini maka dapatlah Kementerian Pelajaran menyediakan rancangan pelajaran Bahasa Inggeris yang benar-benar sesuai dengan keperluan negara.
- (iii) Projek penyelidikan ini juga akan melengkapkan Kementerian Pelajaran dengan maklumat mengenai kelayakan guru-guru Bahasa Inggeris dan tebaran mereka di sekolah-sekolah. Dengan ini langkah-langkah bagi memperbaiki kelayakan mereka (jika perlu) serta

menempatkan mereka dengan saksama dapat diselenggarakan. Projek ini juga akan menyarankan langkah-langkah positif bagi memperkukuhkan pengajaran Bahasa Inggeris agar layak menduduki tempat bahasa kedua yang penting di negara ini.

- (iv) Sukatan pelajaran Bahasa Inggeris untuk sekolah rendah dan sekolah menengah telah dikaji semula dan seterusnya dikemaskinikan agar pelajaran Bahasa Inggeris itu menjadi lebih diminati dan lebih berkesan serta menepati matlamat negara.
- (v) Lebih banyak kursus dalam perkhidmatan untuk guru-guru Bahasa Inggeris diadakan dari masa ke masa di peringkat negeri, di maktab-maktab dan di Universiti Malaya. Dengan ini pengetahuan guru-guru mengenai perkaedahan dapat dikemaskinikan.
- (vi) Usaha menambahkan lagi pengeluaran guru-guru Bahasa Inggeris dari Maktab-Maktab Perguruan akan diselenggarakan bagi mengatasi kekurangan guru-guru Bahasa Inggeris yang berkelayakan.
- (vii) Kementerian Pelajaran mengadakan rancangan pelajaran Bahasa Inggeris melalui Radio dan TV Pendidikan untuk memberi pendedahan yang lebih banyak dan meluas kepada para pelajar.
- (viii) Perlantikan pegawai Bahasa Inggeris di Kementerian Pelajaran, penyelia-penyelia di peringkat negeri dan kakitangan penting di peringkat daerah adalah merupakan salah satu usaha lagi menentukan pengawasan rancangan Bahasa Inggeris itu dikendalikan dengan lebih licin dan rapi.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan Tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa taraf pengajaran bahasa Inggeris dalam sekolah-sekolah kebangsaan di seluruh negara ialah taraf yang paling rendah. Sebab itu bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu apakah tindakan Kementerian beliau akan ambil atas perkara ini.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ini baru sahaja saya terangkan dan akan dilaksanakan.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di Pertua, adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar dalam kawasan saya ada lebih kurang 13 sekolah kebangsaan tidak ada seorang guru terlatih dalam bahasa Inggeris. Bolehkah beliau beritahu macam manakah kita boleh selesaikan perkara ini?

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar dan kalau Ahli Yang Berhormat benar-benar mengatakan tidak ada seorang guru bahasa Inggeris yang terlatih di dalam kawasanya, sila hantar laporan kepada Kementerian Pelajaran dan kami akan siasat perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput jangan tunggu Dewan ini bersidang (*Ketawa*). Tulislah surat.

LESEN TEKSI SEMENTARA

14. Tuan Haji Shukri bin Haji Abdul Shukur (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada Kerajaan akan menimbang mengadakan satu Sistem Lesen Teksi Sementara untuk membolehkan pembawa-pembawa teksi yang tidak berlesen mencari nafkah hidup tanpa sebarang tekanan oleh pihak Polis.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, jawapannya tidak.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, di dalam beberapa persidangan yang lepas saya ada bertanya kepada Timbalan Menteri mengenai perkara ini dan jawapan beliau mengatakan beliau bersedia mempertimbangkan terutamanya lesen sementara bagi kampung-kampung yang terpencil yang mempunyai jalan tetapi tidak ada perkhidmatan awam. Jadi mengapa hari ini jawapannya tidak perlu.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, kajian telah dibuat dan Kementerian saya menganggap tidak perlu mengadakan sistem lesen teksi sementara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keperluan teksi dalam tiap-tiap daerah di Semenanjung Malaysia telah dikaji dan kekosongan yang melebihi 1,000 untuk beberapa negeri di Semenanjung

Malaysia pun baru-baru ini telah diumumkan dan diiklankan. Jadi, pihak-pihak yang berkenaan bolehlah memohon untuk kekosongan yang ada sekarang.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Bolehkah saya dapat kenyataan lanjut daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengapakah beliau mengatakan bahawa kajian telah dibuat dan didapati tidak perlu sedangkan rakyat memikirkan perkara ini perlu, terutamanya seperti saya katakan tadi kampung-kampung yang jauh daripada lebuh-raya yang tidak mempunyai perkhidmatan bas yang tidak mempunyai pengkalan teksi, tetapi menghendakkan pengangkutan sejauh 3 atau 5 batu dan sebagainya, mengapa Kementerian dapat perkara ini tidak perlu?

Tuan Yang di-Pertua: Perkara ini Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab. Dalam Peraturan Mesyuarat mengatakan tidak boleh soalan tambahan itu dijadikan helah untuk menimbulkan perbahasan.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa ada lebih kurang 1,000 kekosongan pelet-pelet teksi di seluruh Malaysia. Saya hendak bertanya bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan jangka waktu, permohonan itu dapat diberitahu samada mereka lulus ataupun tidak di atas permohonannya.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu terkeluar daripada soalan asal. Ini soal fasal teksi sementara.

Tuan Haji Suhaimi b'n Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya bertanya lanjutan daripada apa yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tentang itu boleh.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, satu kenyataan rasmi telahpun dikeluarkan oleh Kementerian saya, butir-butir terdapat dalam kenyataan itu dan saya boleh menghantar satu salinan kenyataan itu kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan H'shamuddin b'n Haji Yahaya: Bolehkah saya bertanya, Tuan Yang di-Pertua, bilakah kajian ini telah dibuat?

Dr Goh Cheng Teik: Saya tidak berapa faham, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong ulang lagi sekali.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bilakah kajian dibuat dan siapakah ahli-ahli jawatankuasa dalam kajian itu?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerjaraya, khasnya Highway dan Public Transportation Unit dalam Kementerian, telah mengkaji keperluan teksi dan oleh yang demikian kekosongan yang diperlukan untuk lesen-lesen teksi tetap telah diumumkan. Jadi, pihak-pihak yang berkenaan bolehlah memohon untuk teksi tetap, tidak payahlah memohon lesen sementara.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Masaalahnya bila kajian ini dibuat?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, itu belum lagi dijawab!

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Dan siapakah ahli jawatankuasanya dan bolehkah saya dapat satu salinan kajian itu?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, kajian itu dibuat pada tahun lalu akan tetapi ini merupakan satu kajian sulit dalam Kementerian.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak melibatkan keselamatan, jadi mengapakah kajian itu menjadi satu perkara sulit?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi itu satu lapuran sulit.

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak boleh dibahaskan mengikut Peraturan Mesyuarat.

PELABURAN TEMPATAN

15. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abd. Shukur (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah selanjutnya, yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan tempatan dan asing di

negara ini dan adakah Kerajaan akan menyemak semula Akta Penyelarasan Perindustrian, memandangkan bahawa ia tidak begitu diterima oleh sektor perusahaan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah-langkah galakan pelaburan yang dilakukan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan untuk menggalakkan pelaburan-pelaburan tempatan dan asing dalam sektor perkilangan sedang dipergiatkan lagi dan akan diperluaskan dalam tahun 1978. Di antara langkah-langkah penting yang akan diambil oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan sebagai agensi yang ditugas khas untuk menarik pelaburan adalah seperti berikut:

(a) Untuk Pelaburan Tempatan

- (i) Menganjurkan seminar-seminar pelaburan untuk para pelabur tempatan di peringkat negeri dan wilayah;
- (ii) Melalui Daftar Bakal-bakal Pelaburnya, Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan membantu para-pelabur tempatan mencari rakan usahasama asing yang sesuai untuk projek-projek usahasama;
- (iii) Mengadakan dari masa ke semasa dialog-dailog dengan sektor swasta di peringkat Negeri dan Persekutuan
- (iv) Brosyer-brosyer dan bahan-bahan bacaan mengenai pelaburan disebarkan kepada para-pelabur tempatan.

(b) Untuk Pelaburan Asing

- (i) Mengadakan Seminar-seminar Galakan Pelaburan di luar negeri dari masa ke semasa;
- (ii) Menubuhkan pusat-pusat galakan pelaburan di luar negeri;
- (iii) Penglibatan dalam forum-forum dan seminar-seminar pelaburan yang dianjurkan oleh agensi-agensi antarabangsa;
- (iv) Menjalankan kempen-kempen mengiklan yang giat untuk memperkenalkan Malaysia sebagai pusat bagi pelaburan perkilangan;

- (v) Mendaftar bakal-bakal pelabur yang diselenggarakan oleh Lembaga juga membantu para pelabur asing mencari usahasama tempatan dan Bumiputra untuk projek-projek usahasama.

Selain daripada langkah-langkah tertentu untuk menggalakkan pelaburan tempatan dan asing yang disebutkan tadi, Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki:

- (a) Kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti bekalan air dan elektrik, kemudahan-kemudahan talikom, pengangkutan dan kemudahan-kemudahan pelaburan dan lain-lain lagi.
- (b) Mengkaji dari masa ke semasa galakan-galakan pelaburan yang ada sekarang dengan tujuan untuk menawarkan galakan-galakan yang lebih baik kepada para pelabur.
- (c) Mengemaskan jentera pentadbiran untuk membantu para-pelabur dalam menyejajarkan penubuhan projek-projek perindustrian.

Berkenaan dengan samada Kerajaan akan menyemak semula Akta Penyelarasan Perindustrian, saya suka menjelaskan bahawa Kerajaan adalah sentiasa mengawasi perjalanan Akta ini supaya tidak timbul sebarang kejadian yang boleh menjejaskan dasar Kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan oleh sektor swasta di dalam bidang pengilangan. Kerajaan telah memberi jaminan bahawa Akta ini akan dikuatkuasakan dengan secara pragmatik dan flexible. Sekiranya sesuatu syarikat itu mengalami sebarang kerumitan akibat dari cara-cara Kerajaan melaksanakan Akta tersebut, saya suka memberi jaminan bahawa Kementerian saya sedia untuk merundingkan kerumitan-kerumitan tersebut dengan syarikat-syarikat yang berkenaan dengan tujuan mencari penyelesaian yang saksama. Jika difikirkan perlu, Kerajaan bersedia dari semasa ke semasa membuat penyesuaian-penyesuaian yang sewajarnya kepada Akta tersebut.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu mengenai Akta Penyelarasan Perindustrian ini, sebab ada golongan-golongan yang tertentu dan orang-orang yang tertentu selalu menyuarakan dan selalu mendesak

supaya Akta ini dikaji dan disemak semula? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini apakah motif yang sebenar mengenai Akta ini yang tidak menyenangkan golongan-golongan tertentu menyebabkan supaya Akta ini didesak dan dirayu supaya disemak semula?

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir soalan ini tidak payah dijawab kerana selain daripada diluluskan Akta itu di sini dengan pindaan dan jawapan kepada pertanyaan berhubung dengannya sudah pun dijawab. Motif itu tidak payahlah dinyatakan di sini.

PERTIKAIAN ARAB/ISRAEL

16. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada kenyataan sokongan Malaysia terhadap usaha damai Presiden Sadat dari Mesir ketika lawatan beliau ke Israel adalah hasil kajian yang mendalam mengenai perkara ini. Apakah perhatian Kerajaan terhadap negara-negara Arab yang lain yang menentang usaha Presiden Sadat itu. Apakah implikasi dari dua sudut yang bertentangan itu.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, kenyataan yang kita buat adalah sejajar dengan dasar kita menyokong segala usaha damai pertikaian Arab/Israel. Inisiatif Presiden Sadat dan pendiriannya adalah tidak menyeleweng daripada pendirian negara-negara Arab yang lain. Di dalam ucapannya kepada Knesset (Parlimen) Israel, Presiden Sadat tidak terkeluar daripada pendirian bersama Arab tentang:

- (1) Penyerahan balik semua kawasan-kawasan yang diduduki sejak tahun 1967,
- (2) Mengendalikan semula Baitul Magdis kepada negara Arab, dan
- (3) Menubuhkan satu negara Palestine yang bebas dan berdaulat dan mengiktirafkan hak-hak orang Palestine.

Mengenai negara-negara Arab yang membangkang inisiatif Sadat itu, kita tidak memberi apa-apa komen kerana kita anggap tindakan-tindakan mereka adalah melibatkan negara-negara Arab sahaja. Malaysia sentiasa mengelak dari terlibat dalam pertikaian sesama Arab.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerangkan reaksi daripada negara-negara menentang usaha damai Presiden Sadat itu tentang sokongan kita kepada usaha yang tersebut.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya katakan tadi tindakan-tindakan diambil oleh Sadat itu tidak lari daripada general concept ataupun konsep umum yang boleh dikatakan sama pendiriannya yang dibuat oleh negara-negara Arab ataupun resolusi-resolusi yang dikemukakan dan diputuskan baik pun dalam Bangsa-bangsa Bersatu, conference yang lain ataupun persidangan-persidangan antarabangsa (international forum) yang lain. Maka sebab itulah saya rasa kita membuatkan pendirian seperti mana saya telahpun membuat satu comment iaitu mestilah kita mencarikan satu penyelesaian, penyelesaian ini tidak lari daripada hak-hak asasi rakyat Palestine iaitu berhak balik kepada tanah mereka yang telah dirampas oleh Israel secara kekerasan itu. Selagi issue ini tidak dibereskan maka pertikaian Asia Barat ini tidak dapat diselesaikan.

Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Sesuai dengan dasar Kerajaan menyokong perjuangan rakyat Palestine, adakah pihak Kementerian Luar Negeri membuat pengkajian berkenaan dengan kemungkinan menghantar golongan-golongan tertentu negeri ini yang mempunyai pengalaman dalam perjuangan seperti Nasrul Haq, Silat Gayung, Silat Lincah ke Palestine?

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Saya rasa perkara ini kalau Ahli Yang Berhormat itu sendiripun hendak menyumbangkan tenaganya, kita tiada halangan sebagai volunteer reserve. (*Ketawa*)

KELAB MEDITERRANEAN

17. Tuan Mustapha bin Ali bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian tentang pembinaan Kelab Mediterranean di Kuantan yang telahpun diberi peruntukan kepada Perbadanan Kemajuan Pelancungan untuk dilaksanakan:

(a) adakah beliau sedar pembinaannya boleh membawa kepada konsep khemah bogel—"nudist camp" sebagaimana yang pernah berlaku di negeri asalnya; dan

(b) sejauh/manakah pembinaannya telah berjalan dan apakah keuntungannya kepada negara.

Tuan Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya agak hairan dengan soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Trengganu kerana beliau pernah menjadi Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan pernah diberi taklimat dan penjelasan mengenai projek Club Mediterranean.

Saya bertambah hairan dengan soalan beliau yang bertanyakan apakah ini akan membawa konsep "nudist camp" seperti berlaku di negeri asalnya dan apakah keuntungannya kepada negeri ini.

Pertamanya, konsep khemah bogel, ini ialah sesuatu khemah di mana semua yang berada dalam khemah itu mesti berbogel dan tiada sesiapa yang mempunyai pakaian yang boleh pergi ke situ. Club Mediterranean tiada mempunyai projek yang sedemikian rupa di mana-mana jua.

Keduanya, Yang Berhormat itu harus juga maklum, sekurang-kurangnya, semasa beliau bersama dengan Kerajaan, tentang pendirian Kerajaan terhadap kegiatan-kegiatan yang tidak sopan di kalangan masyarakat bukan sahaja dari segi agama dan moral, tetapi juga dari segi kegiatan-kegiatan lain seperti menyalahgunakan dadah. Pendirian itu, untuk pengetahuan Yang Berhormat, masih tidak berubah semenjak Yang Berhormat menjadi Ahli Pembangkang.

Ketiganya, untuk meneguhkan lagi penyeliaan kita, telah dimaktubkan dalam Perjanjian Pengurusan antara Kerajaan dan Kelab ini, bahawa mereka hendaklah sensitif kepada adat resam negara ini. Malah, mengikut Surat Perjanjian ini, akan ditubuh sebuah Jawatankuasa Penasihat yang terdiri dari Pegawai-pegawai Kerajaan dan wakil Kelab ini khusus untuk menentukan dan mengawasi kegiatan-kegiatan yang diadakan tidak bercanggah dengan tatasusila negara ini. Jaminan telah kita peroleh dan jentera penyeliaan akan ditubuhkan. Saya rasa langkah-langkah ini adalah mencukupi.

Pada masa ini projek pembangunan sedang berjalan rancak dan boleh dikatakan telah separuh siap. Tentang keuntungan kepada negara, sebuah projek seperti ini di kawasan

luar bandar akan membuka satu kawasan yang sebelum ini terbiar dan tidak membawa apa-apa hasil ekonomi.

Secara langsung, ianya akan memberi peluang pekerjaan kepada kira-kira 300 orang, terutamanya kepada orang tempatan

Secara tidak langsung, pengusaha-pengusaha pelancungan tempatan, pengusaha-pengusaha kerافتangan, pembekal-pembekal makanan mentah dan beberapa keperluan hotel yang lain akan mendapat faedah bagi kegiatan-kegiatan mereka.

Adalah dianggarkan iaitu pendapatan wang asing kepada negara akan berjumlah antara \$12 hingga \$14 juta ringgit setahun.

Secara langsung dan tidak langsung, Pantai Timur Semenanjung Malaysia khususnya, dan Malaysia amnya, akan dapat diperkenalkan sebagai satu destinasi pelancungan dan ada kemungkinan bahawa cara ini bukan sahaja akan dapat menarik lebih ramai pelancung ke negara kita, tetapi juga akan dapat menambah pelaburan di dalam industri ini di Pantai Timur dan di Malaysia.

Tuan Mustapha bin Ali: Saya ucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang berkenaan yang telah memberikan penerangan tentang perkara ini. Tetapi saya mendasarkan soalan saya ini kepada satu rencana atau literature yang pernah saya baca mengenai Kelab Mediterranean ini yang pernah berlaku di mana di dalam kelab yang demikian walaupun tidak semua ahlinya yang berbogel tetapi ada kedapatan di antara ahli-ahli di dalam kelab ini oleh kerana kelab ini satu yang exclusive yang pernah dari segi ciri hidup dalam kelab yang demikian itu melakukan kerja-kerja yang seperti itu

Tuan Yang di-Pertua: Ini yang kepanasan-kah?

Tuan Mustapha bin Ali: dan berdasarkan kepada kejadian-kejadian di mana pelancung-pelancung asing yang pernah datang ke negara ini bukan satu perkara yang pelik bagi mereka itu berbogel maka inilah saya menimbulkan soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi soalan tam-tahannya apa?

Tuan Mustapha bin Ali: Soalan tambahannya, adakah pihak Timbalan Menteri yang berkenaan itu sedar bahawa kelab ini adalah

satu kelab yang exclusive yang ditumpukan dari segi keahliannya daripada orang-orang asing dan adakah benar bahawa tidak begitu senang bagi orang-orang dalam negara ini sendiri untuk menjadi ahli kelab itu? Itu soalnya.

Tuan Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, exclusive ini adalah semasa di dalam khemah penginapan itu tetapi keahlian kelab adalah terbuka kepada semua orang.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, Kelab Mediterranean ini adalah terletak di satu pulau yang terpencil di lautan dan keahliannya juga exclusive seperti mana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Soalnya bagaimanakah pengawasan, pengawalan boleh dilaksanakan memandangkan bahawa pulau ini terpencil jauh di laut dan juga ahlinya exclusive.

Tuan Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, khemah kelab ini bukannya di sebuah pulau.

Raja Dato' Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang yang bukan menjadi ahli kelab bogel dan tidak pernah pergi ke Kelab Mediterranean ini, walaupun telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri perkara-perkara berkenaan dengan Kelab Mediterranean, tetapi tidak ada dinyatakan berkenaan dengan aktiviti-aktiviti exclusive yang dilakukan oleh orang-orang yang datang ke situ. Dari itu harap huraikan apakah sebenarnya aktiviti Kelab Mediterranean tersebut?

Tuan Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam kem ini adalah aktiviti-aktiviti biasa bagi orang-orang yang datang untuk berehat seperti permainan-permainan badminton dan sukan-sukan yang lain. Exclusive ini ialah exclusive bermakna orang-orang yang bukan ahli tidak boleh masuk di dalam khemah kelab ini.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri yang berkenaan bermaksud ada orang yang sanggup berjalan beribu-ribu batu dan membelanjakan wang beratus-ratus ringgit untuk bermain badminton. (*Ketawa*)

Tuan Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, ini ialah tempat beristirehat, badminton adalah satu daripada aktiviti sukan.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan itu sedar bahawa salah satu ciri dalam kehidupan masyarakat yang exclusive di kelab itu misalnya di segi penukaran wang, penggunaan wang di dalam kelab itu tidak dibenarkan penggunaan wang tetapi satu cara penukaran wang itu dilakukan melalui penukaran manik (beads) yang digunakan dalam kelab itu. Dan ada lagi ciri lain yang berdasarkan kepada literature yang pernah saya tahu mengenai perkara ini menggambarkan satu ciri masyarakat yang boleh menyeleweng daripada tatasusila masyarakat tempat ini. Adakah pihak Timbalan Menteri yang berkenaan itu sedar tentang perkara ini?

Tuan Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham apakah kehendak sebenarnya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu itu oleh kerana apa juga literature yang dibaca olehnya, itu adalah dari fahamannya sendiri. Bagi fahaman kami ini adalah satu daripada kelab-kelab yang mana seperti saya sebutkan tadi tempat beristirehat dan kita ada cara-cara kita mengawal supaya tatasusila kita tidak akan terjejas.

Tuan Mustapha bin Ali: Bagi memendekkan soalan ini, saya rasa baiklah saya memberi beberapa literature tentang kelab ini yang barangkali Timbalan Menteri yang berkenaan belum pernah membaca artikel itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan soalan tambahan (*Ketawa*).

KAKITANGAN FAKULTI PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

18. Tuan Haji Ahmad Shukri b'n Haji Abdul Shukor (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk membaiki "staffing" fakulti perubatan Universiti Malaya seperti diperakukan oleh jawatankuasa dari Majlis Perubatan Am untuk memelihara taraf tinggi yang perlu supaya ijazah-ijazah fakulti tersebut akan diiktirafkan oleh Majlis Perubatan Am United Kingdom.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah memang terus diambil bagi memperbaiki kedudukan kakitangan Fakulti Perubatan Universiti Malaya. Tindakan yang dijalankan adalah seperti berikut:

- (i) mengiklankan secara tempatan dan antarabangsa untuk mendapatkan kakitangan yang berpengalaman;
- (ii) mengkaji semula rancangan untuk melatih warganegara Malaysia bagi mendapatkan kelayakan pakar dengan tujuan menyerapkan mereka ke dalam Fakulti Perubatan;
- (iii) meluaskan lagi bidang latihan lepas ijazah dan kepakaran yang dikendalikan oleh Fakulti itu sendiri.

MEMECAH BATU DI SUNGAI-SUNGAI

19. Tuan Latip bin Haji Dris (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam samada beliau bercadang memecah batu di sungai-sungai di Bahagian Ketujuh dengan menggunakan grenade, jika ya, bolehkah beliau memberi jaminan bahawa kerja tersebut akan dijalankan sehingga selesai.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja memecah batu di sungai-sungai dengan menggunakan gelinite (bahan letupan) hanya boleh dijalankan di musim-musim kemarau apabila paras air rendah dan batu-batu juga boleh dilihat. Di Negeri Sarawak peruntukan diberi tiap-tiap tahun untuk kerja-kerja ini dan akan terus dijalankan sehingga batu-batu yang menyebabkan jeram dipecahkan. Perlu ditegaskan juga kerja-kerja ini akan dijalankan mengikut ketutamaan yang ditetapkan oleh tiap-tiap Jawatankuasa Bertindak Bahagian. Di Bahagian Ketujuh terutamanya di mana terdapat lebih banyak jeram, kerja-kerja ini akan dipergiatkan sekiranya perlu.

TANAMAN PADI SAWAH

20. Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk bertanya kepada Menteri Pertanian bila Kementerian beliau akan melancarkan penanaman padi sawah secara besar-besaran di Sarawak, memandangkan Negeri Sarawak hanya menanam padi bukit sahaja.

Dato' Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya negeri Sarawak memang ada rancangan untuk tanaman padi sawah secara besar-besaran iaitu di Lembangan Sungai Limbang, Samarahan, Sadong-Krang, Batang Lupar, dan Daro. Ada di antara beberapa rancangan telah pun dimulakan semenjak 1976 dan dijangka siap berperingkat-peringkat dalam 4 atau 5 tahun.

ORANG ASING DITANGKAP

21. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa ramaiakah bilangan orang-orang asing yang telah ditangkap atas parkara penyeludupan/jenayah dan sindikit yang tidak bertanggungjawab dari negara ASEAN, Australia, Eropah dan lain-lain.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1976 hingga bulan Februari 1978 seramai 319 orang asing telah ditangkap di negara kita kerana telah menjalankan kegiatan-kegiatan penyeludupan serta jenayah.

Berikut adalah angka mengikut senarainya:

Dari kawasan ASEAN	...	283	orang
Australia	...	14	"
Eropah	...	12	"
Pakistan, Taiwan, India dan Brunei	...	10	"

PEGAWAI SERANTA DI LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI

22. Tuan Lukman bin Abdul Kad'r minta Perdana Menteri menyatakan adakah pegawai-pegawai seranta adalah Jawatan Politik. Jika tidak, kenapakah Pegawai-pegawai Seranta Tabung Haji yang terdiri daripada orang-orang PAS diberhentikan kerja sejak PAS dikeluarkan daripada Barisan Nasional.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, jawatan Pegawai Seranta di Lembaga Urusan dan Tabung Haji yang dipersoalkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Ulu Nerus, ialah jawatan Pegawai Seranta Kehormat dan ianya adalah jawatan sementara. Penyandang jawatan tersebut diberi elaun sebanyak \$250 sebulan. Mereka yang diambil bekerja sebagai Pegawai Seranta Kehormat adalah dilantik secara sementara atas dasar sebulan ke

sebulan. Perlantikan mereka itu adalah dibuat berdasarkan kepada kesesuaian mereka menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab jawatan dalam melaksanakan satu-satu dasar Kerajaan. Sekiranya mereka tidak lagi dianggap sesuai dari segi melaksanakan satu-satu dasar itu, maka seperti yang ditetapkan dalam syarat perlington mereka, perkhidmatan mereka bolehlah ditamatkan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berfikir bahawa sesuatu tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan iaitu apakala PAS terkeluar daripada Barisan Nasional maka semua Pegawai-pegawai Seranta Tabung Haji dari ahli PAS diberhentikan daripada jawatan itu adalah satu tindakan yang adil atau tidak sedangkan perkhidmatan mereka adalah perkhidmatan mengikut orangnya, bukan parti. Apakah itu adil atau tidak?

Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya jelaskan tadi perkara jawatan ini ialah jawatan sementara dari semasa ke semasa dan sebagaimana yang telah termaklum bahawa perjanjian-perjanjian waktu mengambil pegawai-pegawai ini adalah sebagai memenuhi syarat-syarat perjanjian termasuk di dalam "Gentleman's Agreement" di antara pihak pengambil dan juga pihak parti-parti yang terlibat. Oleh itu, perkara-perkara yang telah menyebabkan perjanjian-perjanjian itu terpecah, maka sudah tentulah perkara-perkara perjanjian lain-lain mengikut juga bersama-sama.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah pihak Timbalan Menteri yang berkenaan itu menerangkan apakah syarat yang telah tidak dipatuhi oleh pegawai-pegawai ini sehingga mereka itu disingkir daripada jawatan mereka?

Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Ini sudah tentu kalau hendak dijelaskan perkara-perkara yang tidak dipatuhi itu tentulah kena buka fail bagi tiap-tiap seorang itu ada mempunyai fail-failnya sendiri yang ada di Pejabat Lembaga Urusan Tabung Haji. Kalau hendak diterangkan barangkali kelemahan-kelemahan perkhidmatan dan lain-lain itu, ini adalah masaalah peribadi (personal) seseorang yang berkenaan itu.

FIRST GENERAL INSURAN BERHAD

23. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa perniagaan First General Life Insuran Berhad terjatuh meninggalkan beribu-ribu pemegang polisi dalam keadaan tidak tentu hala;
- (b) mengapa Ketua Pengarah Insuran itu telah gagal mengambil tindakan tentang First General Life Insuran Berhad sungguhpun beliau sedar akaun yang layak bagi syarikat pada tahun 1973, 1974, 1975 dan 1976;
- (c) apa Kerajaan hendak buat dengan "Pending Claims" bagi pemegang polisi;
- (d) sebab-sebab mengapa Ketua Pengarah Insuran tidak mengambil tindakan yang sepatut untuk melindungi kepentingan pemegang polisi;
- (e) adakah Kerajaan sudah menyiapkan penyiasatan mengenai First General Life Insuran Berhad. Jika sudah, bolehkah laporan dikemukakan dalam Dewan ini; dan
- (f) setakat mana Guarantee Scheme Fund telah digunakan untuk menyelesaikan tuntutan-tuntutan tentang First General Life Insuran Berhad.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya telah menjawab soalan ini pada 12hb Januari, 1978, di Dewan Rakyat yang mulia ini semasa saya berucap menggulung perbahasan Akta Insuran (Pindaan) 1978.
- (b) Saya telah menjawab soalan bahagian ini di dalam Dewan Rakyat yang mulia ini pada 24hb Oktober, 1977.
- (c) "Pending Claims" bagi pemegang-pemegang polisi bersendirian First General Insurance (FGI) akan dipertimbangkan untuk pembayaran oleh Biro Penginsuran Motor Malaysia Barat (MIB) di mana satu unit yang berasingan telah ditubuhkan untuk meneliti "Pending Claims" dan juga tuntutan-tuntutan terhadap FGI yang belum diketahui. Wang untuk membayar tuntutan-tuntutan ini ialah dari Kumpulanwang Jaminan Insuran.

- (d) Kepentingan setiap pemegang polisi motor FGI adalah terjamin sebab tuntutan mereka akan dipertimbangkan untuk pembayaran oleh Kumpulanwang Jaminan Insuran yang ditubuhkan di bawah seksyen 12A kepada Akta Insuran, 1963. Lagi pun, South East Asia Insurance Sdn. Bhd. yang telah mendapat lesen sebagai penginsuran pada 12hb Ogos, 1977 akan mengambil alih bahagian-bahagian yang belum cukup tempoh bagi polisi-polisi FGI yang masih wujud sekarang, mulai dari 1hb September, 1977; tanpa sebarang kos tambahan kepada pemegang polisi.
- (e) Penyiasatan mengenai hal-ehwal perjalanan FGI telah selesai. Hasil dari penyiasatan itu Ketua Pengarah Insuran telah mengeluarkan arahan kepada FGI supaya menggantungkan daripada mengeluarkan sebarang polisi insuran baru mulai dari 23hb Julai, dan pada 15hb November, 1977 Ketua Pengarah Insuran telah membuat rayuan petisyen kepada Mahkamah Tinggi supaya menggolong syarikat FGI. FGI kemudiannya telah digolong (wound-up) pada 14hb Disember, 1977 dan hal-ehwal syarikat ini sekarang berada di tangan Pegawai Penerima, (Official Receiver) Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat undang-undang tidak menghendaki satu laporan mengenai dibentangkan di Dewan ini.
- (f) Penubuhan satu unit pentadbiran yang berasingan oleh Biro Penginsuran Motor (MIB) bagi memproses tuntutan-tuntutan terhadap FGI yang belum membayar adalah mengambil masa sebab kakitangan yang mempunyai pengalaman dalam tuntutan insuran perlu diperolehi. Lagi pula kehendak undang-undang tertentu perlu dipenuhi. Sebaik saja kehendak-kehendak ini ditunai maka Kumpulanwang Sekim Jaminan akan digunakan bagi memenuhi tuntutan pemegang-pemegang polisi persendirian FGI dan pihak menuntut yang lain yang berhak, iaitu setelah dipastikan serta disahkan ketulinan tuntutan-tuntutan itu oleh unit pentadbiran Biro Penginsuran Motor (MIB).

HOSPITAL DI LABUAN

24. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk Haji Asneh minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar penduduk pulau Labuan bertambah banyak bilangannya. Jika ya, bilakah sebuah hospital baru yang lebih besar daripada yang ada sekarang dapat dibina; dan
- (b) bilakah tender untuk pembinaan sebuah dispensari di Kota Klias dapat dipanggil dan berapakah bilik pesakit dapat disediakan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah penduduk di Pulau Labuan ialah 17,189 orang mengikut banci penduduk tahun 1970. Hospital yang ada sekarang mempunyai 70 buah katil dan daripada jumlah ini, hanya kurang lebih 50 peratus sahaja yang diduduki oleh pesakit pada masa ini. Hospital yang ada sekarang adalah dianggap mencukupi untuk kegunaan penduduk di Labuan. Walau bagaimanapun, di bawah Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga sebuah Jabatan Pesakit Luar sedang dirancang untuk pelaksanaan sekira dipersetujui oleh Kerajaan.
- (b) Satu tapak tanah swasta telah dipohon untuk pembinaan dispensari di Kota Klias. Pihak Jabatan Kerja Raya akan diminta memanggil tender untuk pembinaan dispensari tersebut sebaik sahaja kebenaran diberi untuk memasuki tapak tersebut. Dispensari ini akan dibina mengikut pelan piawai dengan kemudahan-kemudahan berikut:
 - (i) 12 buah katil pesakit (6 buah untuk perempuan dan 6 buah katil untuk lelaki);
 - (ii) Satu Jabatan Pesakit Luar;
 - (iii) Unit Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak dengan satu bilik bersalin;
 - (iv) Kemudahan-kemudahan lain seperti tempat letak kereta, dapur dan tempat mencuci kain.

LANTIKAN SEBAGAI DUTA/ PESURUHJAYA TINGGI

25. Tuan Abu Bakar bin Arshad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan bagaimanakah caranya pemilihan yang biasa dibuat oleh beliau bagi melantik Duta/Pesuruhjaya Tinggi untuk bertugas di sesebuah negara.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyatakan bahawa pada umumnya perlantikan seorang Duta Besar atau Pesuruhjaya Tinggi Malaysia adalah berdasarkan kepada kebolehannya (samada seorang pegawai Kerajaan ataupun tidak) dan juga berdasarkan kepada samada ianya layak dan sesuai serta penerimaan beliau untuk dilantikan sebagai seorang Duta Besar.

TALIPON—LANGKAH MENGURANG KEROSAKAN

26. Tuan Chin Ho Ngian (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa semenjak penyenggaraan talian talipon dan kawat telah dikontrek kepada sebuah firma perniagaan, kerosakan talipon-talipon telah bertambah banyak. Bolehkah beliau menjelaskan perkara ini.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa kerosakan-kerosakan talipon telah bertambah dengan banyaknya semenjak pembinaan kawat-kawat dan kebel-kebel talipon telah dikontrekkan kepada firma perniagaan. Di antara faktor-faktor yang menyebabkan bertambahnya kerosakan talipon ialah kerana banyaknya kerja-kerja kecil terutamanya di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya seperti kerja meluaskan jalan, membina jejambat-jejambat di samping jalan besar dan lain-lain di mana kerja-kerja tersebut dijalankan berdekatan dengan laluan talian kebel.

Satu lagi faktor yang juga menyebabkan kerosakan kebel-kebel talipon ialah keperluan kerja-kerja untuk membesarkan petipeti sambungan kebel bawah tanah dan untuk menambahkan sesalur-sesalur getah dengan tujuan untuk membina kebel-kebel

baharu dan kebel-kebel yang sedia ada telah pun digunakan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, langkah-langkah untuk mengurangkan kerosakan talipon ini sentiasa diambil perhatian semasa menjalankan kerja-kerja tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 27 hingga 37 adalah diberi di bawah ini).

WANG KEHILANGAN DI BANK NEGARA

27. Datuk Albert Mah minta Menteri Kewangan menyatakan hasil-hasil dari penyiasatan ke atas kehilangan wang satu juta ringgit dari Bank Negara, Cawangan Pulau Pinang.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Raza-leigh Hamzah): Penyiasatan Polis ke atas kehilangan wang satu juta lapan ratus ribu ringgit di Cawangan Pulau Pinang, Bank Negara Malaysia itu masih belum selesai dan oleh sebab itu saya tidak dapat menyatakan hasil penyiasatan tersebut.

HOSPITAL BESAR TRENGGANU

28. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh manakah perlaksanaan rancangan hendak membina baru dan membesarkan Hospital Besar, Kuala Trengganu. Adakah projek ini akan dimajukan di dalam kawasan yang sedia ada atau akan dipindahkan ke tempat lain yang baru, dan nyatakan apakah sebab-sebab yang menyebabkan projek ini terlambat.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Sukacita saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Hospital Besar baru bagi Trengganu akan dibina ditapak berhampiran dengan Hospital Besar yang ada sekarang dan tapaknya telah pun diperolehi oleh pihak Kementerian Kesihatan. Buat masa ini pelan tapak telah disediakan, dipersetujui dan ditandatangani oleh pihak Kementerian Kesihatan. Pihak Jabatan Kerjaraya pada ketika ini sedang menyediakan lukisan pembinaan (structural drawings). Sebaik sahaja ianya siap kelak pihak Jabatan Kerjaraya boleh memanggil tender untuk memulakan kerja-kerja pembinaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut jadual yang disediakan oleh pihak Jabatan Kerjaraya, kerja-kerja permulaan berkaitan dengan "piling" adalah dijangkakan akan bermula pada tahun 1978. Kerja menyiapkan hospital ini dijangkakan akan mengambil masa kurang lebih 3 tahun.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, pembinaan satu-satu projek yang besar seperti Hospital Besar Trengganu ini yang akan menelan belanja berpuluh-puluh juta ringgit mestilah dirancang dengan teratur dan teliti daripada semua aspek supaya dapat menentukan bahawa objektif pembinaan hospital ini dapat dipenuhi dan wang yang begitu banyak digunakan tidak akan menjadi sia-sia. Oleh itu, ianya mesti mengambil masa begitu panjang. Pihak perancang mestilah menentukan kesesuaian tapak bangunan, menyediakan rekabentuk, perlantikan Juru-perunding, menyiapkan tender dan lain-lain lagi.

Menyedari bahawa pembinaan Hospital Besar ini akan mengambil masa begitu lama maka pihak Kementerian telah mengambil beberapa langkah yang perlu untuk mengatasi masalah semasa dengan menambah kepada hospital yang ada sekarang 3 wad baru yang mempunyai lebih 100 katil, Pejabat Pesakit Luar yang telah siap pada penghujung tahun 1977 dan 1 unit Kesihatan Penyakit Otak dan selain dari itu pihak Kementerian sedang merancang dengan aktifnya pembinaan sebuah wad kanak-kanak yang boleh memuat lebih kurang 30 katil dan rumah-rumah kediaman untuk doktor-doktor pelatih dan doktor-doktor yang bertugas di hospital tersebut yang mana akhirnya akan menjadi sebahagian dari kompleks hospital baru nanti.

DERMA PELAJARAN

29. Datin Hajjah Fafimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Pelajaran menyatakan, adakah pihak Kementerian ini telah memasukkan tajuk Derma Darah dalam mata-pelajaran sains Kesihatan dan Sivik, di sekolah-sekolah bagi menggalakkan lebih ramai murid sekolah mengetahui tentang pendermaan darah.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Kementerian Pelajaran belum memasukkan tajuk Derma Darah dalam matapelajaran Sains

Kesihatan dan Sivik di sekolah-sekolah. Walau bagaimanapun, tajuk ini selalu diberitahu kepada murid-murid di dalam ceramah-ceramah dan kempen-kempen kesihatan dan juga semasa diadakan sambutan Hari Kesihatan Sedunia tiap-tiap tahun.

TARIAN SINGA

30. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada benar pihak Polis di Sabah telah mengharamkan tarian-tarian singa semasa perayaan Chap Goh Mei China atas arahan Ibupejabat Polis Kuala Lumpur dan beri sebab-sebab mengapa pengharaman ini dikenakan.

Tuan Rais Yatim: Kerajaan telah membenarkan pertunjukan tarian singa dengan syarat-syarat tertentu diadakan pada Tahun Baru China yang jatuh pada 7hb dan 8hb Februari, 1978.

Dengan kebenaran yang telahpun diberi untuk mengadakan tarian singa pada hari Tahun Baru China selama dua hari yang dianggap memadai, demi kepentingan memelihara ketenteraman awam Kerajaan tidak menimbangkan wajar dibenarkan tarian singa lagi untuk perayaan Chap Goh Mei.

PENEROKA FELDA/FELCRA

31. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan luasnya tanah yang diberikan kepada peneroka-peneroka di bawah sekim-sekim FELDA dan FELCRA, beri perpecahan mengikut kaum bagi peneroka-peneroka untuk tahun 1975, 1976 dan 1977, dan juga nyatakan tempat di mana sekim-sekim tersebut ditempatkan di negeri itu.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusoff): Bagi rancangan-rancangan yang sedang dimajukan oleh FELDA tiap-tiap peneroka diuntukkan 10 ekar kawasan ladang dan $\frac{1}{4}$ ekar kawasan rumah. Bilangan peneroka yang ditempatkan dalam tahun 1975-1977 mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut:

	1975	1976	1977
Melayu ...	4,292	5,092	6,021
China ...	36	116	73
India ...	69	130	135
Jumlah ...	4,397	5,338	6,229

Sehingga akhir tahun 1977, FELDA telah membuka semuanya 211 rancangan dan pecahannya mengikut negeri ialah:

Negeri	Bil. Rancangan
Perlis ...	1
Kedah ...	8
Perak ...	11
Selangor ...	4
Negeri Sembilan ...	26
Melaka ...	5
Johor ...	50
Pahang ...	91
Trengganu ...	13
Kelantan ...	2
	<hr/>
	211
	<hr/>

Luasnya tanah yang diberikan kepada seseorang peneroka di bawah rancangan-rancangan tanah FELCRA adalah seperti berikut:

- (i) Pemulihan ... 4-8 ekar mengikut luasnya lot yang telah ditentukan oleh Kerajaan Negeri sebelum FELCRA mengambil alih rancangan untuk dipulihkan.
- (ii) Pinggir ... 8 ekar melainkan di Negeri Sembilan di mana luasnya ialah 6 ekar.
- (iii) Belia ... 10 ekar.

Bilangan peserta dan pecahan kaum bagi tahun 1975-1977 adalah seperti berikut:

	1975	1976	1977
Melayu ...	6,015	1,300	533
China ...	146	53	19
India ...	141	22	10
Jumlah ...	6,302	1,375	562

Bagi tahun 1975 dan 1977, FELCRA membuka 58 rancangan dan pecahannya mengikut negeri iaitu:

Negeri	Bil. Rancangan
Perlis ...	1
Kedah ...	4
Perak ...	9

Negeri Sembilan	9
Johor	22
Pahang	7
Trengganu	4
Melaka	2
			<hr/> 58 <hr/>

PERTUBUHAN PENGAMPUNAN ANTARABANGSA—YEO MOUNG PENG

32. Tuan Oh Keng Seng bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kenapa buku-buku dan surat-surat yang telah dihantar oleh Pertubuhan Pengampunan Antarabangsa (Amnesty International) kepada ahli politik tahanan Yeo Moug Peng, Setiausaha Parti Buruh Malaya cawangan Batu Pahat, yang telah diterima “sebagai tahanan yang sanggup berkorban” oleh Pertubuhan Pengampunan Antarabangsa (Amnesty International) telah dikembalikan tanpa dibuka. Yeo Moug Peng telah ditahan pada 29-8-1968 selepas mengadakan demonstrasi membantah eksekusi seramai sebelas orang keturunan kaum China yang telah dihukum kerana bersubahat dengan orang-orang Indonesia yang bersenjata semasa konferansi tahun 1964, dan telah ditahan tanpa dibicarakan. Boleh atau tidak Kerajaan membebaskan beliau tanpa syarat atau membicarakan beliau di Mahkamah terbuka.

Tuan Rais Yatim: Kementerian ini tidak dapat memberikan jawapan yang tepat kepada bahagian pertama soalan Ahli Yang Berhormat kerana ketiadaan maklumat-maklumat yang tepat mengenai bila dan bagaimana buku-buku dan surat-surat itu dihantarkan. Pada kebiasaannya semua buku-buku dan surat-surat yang dihantarkan kepada orang-orang tahanan adalah diserahkan kepada mereka yang berkenaan setelah ianya ditapis.

Yeo Moug Peng bukanlah seorang tahanan politik kerana ia adalah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana kegiatan-kegiatan yang mengancam keselamatan dalam negeri. Penahanannya adalah sentiasa dikaji pada tiap-tiap enam bulan sekali oleh Lembaga Penasihat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta tersebut. Kajian terakhir yang dibuat

oleh Lembaga pada 26hb Oktober, 1977 mengesyorkan perintah tahananannya diteruskan. Oleh yang demikian, buat ketika ini, Kerajaan tidak bercadang untuk membebaskan beliau.

RANCANGAN TANAH MUHIBBAH

33. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah beliau sedar atas suatu “petisyen” yang ditandatangani oleh Encik Lim Ah Chat, Pengerusi Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Kg. Batu 12, Jalan Bidor, Teluk Anson bertarikh 26-11-1977 beralamat kepada semua Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan, Perak atas tajuk “Rancangan Tanah Muhibbah Kg. Batu 12, Jalan Bidor, Teluk Anson” dan jika ya, apakah tindakan telah diambil untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusoff: Tidak sedar. Sebagaimana yang lazim, semua petisyen hendaklah dihantar kepada pihak-pihak yang berkaitan untuk tindakan pihak tersebut. Di dalam kes ini, petisyen tersebut patutnya telah dihantar kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak tetapi mengikut laporan yang telah diterima, petisyen tersebut tidak diterima oleh Pengarah Tanah dan Galian negeri tersebut.

PASPOT DIPLOMATIK

34. Raja Dato' Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Luar Negeri menerangkan berkenaan dengan insiden rampasan paspot Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di India di Lapangan-terbang Antarabangsa Subang pada 30hb Januari, 1978 dan samada beliau sedar bahawa menurut cara biasa (normal practice) bekas-bekas duta atau diplomat, di masa mereka bersara, paspot mereka diserahkan sendiri apabila dikehendaki oleh pihak-pihak yang berkenaan. Harap nyatakan di dalam keterangan perkara-perkara berikut:

- berapa orang duta-duta dan ahli-ahli diplomat telah bersara semenjak tahun 1964-1977;
- bagaimana cara paspot mereka diambil semula; dan

- (c) adakah tindakan Pegawai Wismaputra yang mengeluarkan arahan merampas paspot Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di India itu direstui oleh Menteri berkenaan.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddin Al-Haj): Pada umumnya, saya telahpun memberi penjelasan atas perkara ini pada 22hb Mac 1978, semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Baling. Oleh sebab Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor ini bertanyakan butir-butir lanjut, maka sukacita saya menerangkan seperti berikut:

- (a) Bilangan Duta/Pesuruhjaya Tinggi dan Diplomat yang bersara semenjak tahun 1964 hingga 1977 ialah 46 orang.
- (b) Mereka dikehendaki menyerahkan paspot diplomatik setelah bersara mengikut peraturan pengeluaran paspot diplomatik. Mereka telah diminta mengembalikannya paspot diplomatik mereka kepada Wismaputra atau Jabatan Imigresen.
- (c) Seperti yang telah saya nyatakan di dalam Dewan ini pada 22hb Mac 1978 yang lalu, perkara paspot bekas Pesuruhjaya Tinggi Malaysia itu hanya timbul oleh kerana salah faham. Soal arahan merampas paspot itu tidaklah berbangkit.

PASPOT TAN SRI HAJI KHALID

35. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan sebab-sebab terjadinya peristiwa merampas paspot diplomat daripada Tan Sri Haji Khalid bin Awang Osman, bekas Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke India dan keluarganya oleh pihak berkuasa dan adakah ini menjadi amalan biasa. Adakah bekas Pesuruhjaya Tinggi tersebut itu mempunyai hubungan dengan kes penyeludupan jam tangan yang melibatkan pegawai di Kedutaan Malaysia di India. Adakah kes ini telah diselesaikan dan apakah kedudukan yang sebenarnya sekarang.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddin Al-Haj: Saya telah pun memberi jawapan di Dewan ini pada 22hb Mac, 1978 atas perkara ini.

PAMPASAN KEPADA KELUARGA SETINGGAN

36. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar pampasan atau tentuan kewangan sebanyak \$200 kepada tiap-tiap keluarga setinggalan bagi lebih kurang 120 keluarga yang terlibat dengan rancangan pembinaan Jalan Chan Sow Lin/Sungai Besi masih belum dibayar kepada keluarga-keluarga yang berkenaan walaupun mereka telah ditempatkan semula di suatu tempat sementara lebih dari setahun yang lalu, dan jika ya, mengapa kelewatan ini berlaku.

Dr Goh Cheng Teik: Saya Sedar. Perlu ditegaskan pemindahan setinggalan telah dikelolakan oleh Pejabat Tanah dan pejabat tersebut sedang mengesahkan nama-nama mereka yang terlibat sebelum satu senarai dihantar ke Kementerian saya. Kementerian saya akan membuat bayaran pemindahan sebanyak \$200 hanya setelah menerima senarai tersebut.

PEPERIKSAAN SIJIL RENDAH PELAJARAN

37. Tuan Au How Cheong minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar atau tidak beliau akan menghapuskan peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, dan jika ya, mengapa.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Kementerian saya tidak bercadang untuk memansuhkan peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran memandangkan peperiksaan ini adalah memenuhi tujuan-tujuan dan matlamat dasar dan sistem pelajaran kebangsaan. Walau bagaimanapun, semua perkara-perkara berhubung dengan peperiksaan dan sebagainya yang ada hubungan dengan sistem yang sedang dianuti oleh Kerajaan dalam pelaksanaan dasar pelajaran sebenarnya sedang dikaji oleh Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. TIMBALAN YANG DI- PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Ke bawah Duli kerana Titah Ucapan Ke bawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Keempat.” (*4hb April, 1978*).

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Penerangan menyambungkan ucapannya.

3.25 ptg.

Menteri Penerangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, mengulang balik masalah siaran keputusan TOTO dan Loteri yang saya sebutkan semalam saya menerangkan bahawa tindakan menghentikan siaran mengenai keputusan-keputusan itu di Radio dan TV adalah juga meliputi keputusan-keputusan Lumba Kuda dan akan dikuatkuasakan mulai daripada 1hb Mei iaitu untuk memberi masa yang cukup kepada pihak-pihak yang berkenaan mencari jalan atau cara lain untuk menyiarkan keputusan-keputusan tersebut bagi memenuhi kepentingan peminat-peminat ketiga-tiga aktiviti itu. Saya difahamkan bahawa pihak-pihak yang berkenaan telah mengambil tindakan dan membuat persiapan-persiapan yang perlu.

Bagi Kerajaan, perlu saya tegaskan di sini bahawa keputusan yang telah dibuat itu adalah difikirkan menasabah dan ianya boleh diterima oleh masyarakat dengan mudahnya.

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah saya sentuh dalam ulasan saya mengenai ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kangar di mana saya telah menyebutkan bahawa sebuah Jawatankuasa untuk menilai dan memperbaiki rancangan-rancangan Kementerian Penerangan telahpun diwujudkan. Jawatankuasa tersebut kerap bertemu untuk menimbangkan perkara-perkara yang tidak menyenangkan penuntut-penuntut mengenai rancangan-rancangan yang disiarkan oleh Radio dan TV atau pun lain-lain mass media. Walaupun perkara ini adalah tugas biasa di Kementerian ini, namun seranta mengenai wujudnya Jawatankuasa ini perlu dibuat bagi mengatasi segala kemusykilan samada yang dibangkitkan dalam atau di luar Dewan Yang Mulia ini.

Saranan beliau mengenai stesyen-stesyen Radio dan TV swasta bukanlah satu perkara yang baru. Yang sebenarnya Kerajaan telah lama menimbangkan perkara seperti itu dan memutuskan bahawa sistem yang ada sekarang menerusi RTM adalah lebih sesuai terutama kerana menerusi peraturan sekarang ini kedua-dua mata serampang objektif Dasar Ekonomi Baru, yaitu membasmu kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat Malaysia demi perpaduan negara, akan dapat tercapai dengan lebih sempurna lagi. Saya sedar bahawa dalam keadaan sekarang ini Kerajaan ada memberi lesen kepada sebuah syarikat swasta (Redifusion) yang menyiarkan siaran-siaran secara terhad. Walaupun tiap-tiap sebuah setesyen radio syarikat swasta itu dikenakan syarat perlesenan oleh Jabatan Talikom namun Kerajaan sentiasa meneliti perkembangan keseluruhannya dan satu kajian semula mengenai perkara perlesenan itu sedang dijalankan oleh Kementerian ini dengan Kementerian Perhubungan.

Dalam usaha menyebarkan penerangan, hiburan dan lain-lain siaran kepada umum menerusi mana-mana media massa, khasnya menerusi TV dan radio, perkara penting yang perlu dipertimbangkan ialah samada rancangan-rancangan tersebut dapat memupuk semangat kerjasama dan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini, di samping memenuhi kehendak-kehendak kerohanian mereka dari segi keugamaan, kebudayaan dan maklumat bagi meninggikan pengetahuan dan sikap tanggungjawab mereka. Semata-mata memperbesarkan faktor pelaburan ataupun faktor

menjimatkan wang Kerajaan secara menyerahkan sebahagian daripada tugas tersebut tadi kepada mana-mana pihak swasta menerusi sesuatu setesyen-setesyen swasta atau "commercial stations" hanya boleh mengatasi sebahagian kecil sahaja daripada tanggungjawab kita yang besar, terutama bagi tujuan mencapai perpaduan negara. Sebenarnya, langkah memberi lesen kepada pihak swasta menjalankan stesyen-stesyen tersebut atau menyerahkan sebahagian daripada tugas kita kepada mereka itu boleh mengakibatkan perkembangan yang buruk, sebagai kata per-patah Melayu merugikan segantang untuk menyelamatkan satu cupak.

Kerugian seperti itu belum juga berlaku, malahan lebih buruk akibatnya, sekiranya kita terlalu zahid memperjuangkan kepentingan sesuatu pihak yang sempit tujuannya—lebih-lebih lagi jika ia terbit daripada hasrat sesuatu kelompok-perkauman—bagi memperkecilkan perkara-perkara dasar. Soal Bahasa Malaysia sebagai bahasa persembahan yang penting dan perlu diketahui, difahami serta dihargai oleh semua rakyat yang mengasihi negara ini. Kita perlu faham bahawa penggunaan Bahasa Malaysia oleh pihak RTM adalah menjadi satu alat penting dan petunjuk yang nyata di dalam usaha kita mencapai matlamat negara itu. Justeru itu sesuatu saranan untuk menambahkan siaran-siaran dalam bahasa lain daripada Bahasa Malaysia perlu kita teliti dengan sedalam-dalamnya. Kerajaan hanya boleh menimbang sesuatu permohonan untuk memperluaskan siaran-siaran dalam bahasa lain selain daripada Bahasa Malaysia sekiranya usaha seperti itu bukan sahaja tidak menjejaskan dasar tersebut tadi malahan tidak mengakibatkan perkembangan yang buruk kepada perpaduan negara.

Saya sedar bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dari Petaling dan dari Serian ada menyentuh perkara menambahkan siaran-siaran itu dalam bahasa-bahasa lain seperti Bahasa China, Bahasa Tamil, Bahasa Bidayoh dan Iban. Meskipun ucapan-ucapan mereka itu mungkin membayangkan hasrat rakyat tetapi hasrat itu, pada anggapan saya, bukanlah daripada rakyat yang benar-benar mengetahui perkara dasar atau mereka yang sedar akan implikasinya terhadap matlamat perpaduan negara. Ada kemungkinannya yang mereka itu semata-mata terdorong oleh desakan kerohanian mereka terutama untuk mendapatkan hiburan menerusi sebaran 'am

Kerajaan. Dalam keadaan yang saya sebutkan tadi, maka adalah sukar bagi saya memberi apa-apa jaminan terhadap perkara-perkara itu, melainkan jika ada sebab-sebab yang benar-benar menasabah.

Menyentuh saranan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus saya suka menyatakan bahawa Kerajaan sekarang ini sedang meneliti perkara berkaitan dengan bayaran lesen bagi radio-radio yang digunakan oleh rakyat jelata, khasnya bayaran terhadap lesen-lesen radio dari jenis transitor yang menerima siaran-siaran RTM secara terhad. Pertimbangan sedang diberi untuk memperimbangkan kepentingan menyampaikan perutusan Kerajaan dan siaran-siaran yang lain dengan tanggungjawab seseorang rakyat terhadap hasil negara. Walau bagaimanapun, saya bersetuju bahawa kelonggaran bayaran secara terhad lesen-lesen radio adalah satu langkah yang positif dan saya akan membawakan perkara itu kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk ditimbangkan selanjutnya.

Sebagaimana termaklum usaha-usaha pembangunan Negara kita sedang giat dilaksanakan Perlaksanaan tersebut adalah menurut peringkat-peringkat yang dirancangan berlandaskan kemampuan sumber-sumber negara, di samping menentukan agar kecekapan jentera pembangunan Kerajaan terdaya memberi penghasilan bagi memenuhi aspirasi rakyat yang kian meningkat. Demikian juga halnya mengenai rancangan-rancangan TV dan radio. Perkemangan rancangan-rancangan itu adalah bergantung kepada keutamaan negara selaras dengan kehendak-kehendak pembangunan di dalam sektor-sektor lain, sebagai terkandung di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Dalam pada itu kita harus sedar bahawa walaupun ada usaha yang gigih dalam pelaksanaan rancangan-rancangan itu namun masaalah-masaalah pelaksanaan seperti kekurangan pakar-pakar dan kakitangan dan kelewatan bekalan alat-alat perkakas yang perlu adalah perkara-perkara yang bukan mustahil.

Walaupun bagaimanapun, saya berazam untuk menambahkan kemampuan dan kecekapan Radio dan TV Malaysia, agar ianya dapat memberikan perkhidmatan yang secepat-cekapnya selaras dengan perubahan zaman dan kehendak daripada Dasar Ekonomi Baru. Cara-cara yang sedang dipertimbangkan dan

langkah-langkah yang akan diambil selanjutnya akan membayangkan hasrat ini. Pencapaian hasrat tersebut akan mengambil masa, tetapi ianya boleh dicapai dengan cepat sekiranya terdapat persefahaman di kalangan rakyat terhadap masalah-masalah tersebut tadi dan kerjasama yang rapat daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang berkenaan serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

3.45 ptg.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat mereka mengenai tugas-tugas dan kegiatan-kegiatan berhubung dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian semasa membahar ucapan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agung. Saya suka memberi jaminan iaitu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan memberi pertimbangan yang saksama kepada cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang saya percaya akan memberi menafaat kepada negara dan rakyat. Bagaimanapun, saya ingin mengulas mengenai beberapa perkara yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Yang Mulia ini.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Petaling supaya pihak Kerajaan membatalkan atau pun memubarkan Akta Penyelarasan Perindustrian 1975, saya sukalah menyatakan iaitu pihak Kerajaan tidak sama sekali bercadang untuk berbuat demikian oleh kerana pada pendapat saya Akta tersebut adalah amat penting untuk kemajuan perindustrian negara ini. Pihak Kerajaan sedar perasaan kekhawatiran dan kebimbangan yang telah ditimbulkan oleh pihak sektor swasta dan juga ahli-ahli politik daripada parti pembangkang terhadap pelaksanaan Akta tersebut dan Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah yang perlu termasuk juga meminda beberapa peruntukan di dalam Akta itu untuk menghapuskan segala kebimbangan-kebimbangan tersebut dan juga untuk memastikan bahawa pelaksanaan Akta tersebut tidak akan menimbulkan suatu keadaan yang boleh menjejaskan dasar

Kerajaan untuk meningkatkan lagi pelaburan baik dari pelabur-pelabur asing maupun pelabur-pelabur tempatan di dalam negara ini.

Dalam hubungan ini pihak Kerajaan telahpun beberapa kali memberi jaminan bahawa syarat-syarat yang dikenakan kepada pekilang-pekilang di bawah Akta ini akan dikuatkuasakan seberapa flexible yang boleh agar pekilang-pekilang yang berkenaan tidak tergendala oleh kerana tidak dapat mematuhi syarat-syarat tersebut disebabkan sesuatu keadaan di luar kawalan mereka.

Mana-mana pekilang yang mempunyai sesuatu masalah specific disebabkan dengan pelaksanaan Akta ini adalah dipersilakan berbincang dengan pegawai-pegawai Kementerian Perdagangan ataupun dengan saya sendiri supaya masalah-masalah tersebut dapat diatasi dengan saksama dan dengan seberapa segera yang boleh.

Walaupun banyak teguran telah dibuat oleh berbagai pihak terhadap Akta Penyelarasan Perindustrian, hingga ini belum ada perniagaan ataupun perusahaan yang terjejas semata-mata kerana Akta ini. Oleh itu kecurigaan terhadap Akta ini tidak mempunyai asas.

Di samping itu, pihak Kerajaan bercadang untuk melaksanakan, tidak berapa lama lagi, beberapa langkah seperti "package deal approval" dan penubuhan "one-stop agency" di Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan dengan tujuan mengurangkan ke peringkat yang paling minima apa yang dikatakan "red tape" yang terpaksa dihadapi oleh para pelabur.

Saya percaya dengan adanya langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak Kerajaan, kebanyakan pihak dalam sektor swasta baik pelabur-pelabur asing mahupun pelabur-pelabur tempatan telah menerima baik Akta ini. Kerajaan adalah berpuashati dengan sambutan pekilang-pekilang terhadap Akta ini setakat ini.

Mengenai syor Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson supaya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian membuka dialog baru dengan pihak swasta, sebelum pihak Kerajaan membuat pindaan-pindaan tambahan kepada Akta tersebut jika Kerajaan mendapati perlu membuat pindaan-pindaan tersebut, saya sukalah memberi jaminan

bahawa selaras dengan dasar Kerajaan yang sudah-sudah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan mengadakan rundingan yang sewajarnya dengan pihak swasta sekiranya Kerajaan mendapati perlu meminda Akta tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur pula telah menyatakan bahawa Akta Penyelarasan Perindustrian walaupun telah dipinda masih merupakan penghalang kepada usaha untuk menarik pelaburan daripada luar negeri dan beliau telah mencadangkan supaya Akta tersebut dipinda sekali lagi supaya dibentuk sebuah panel bebas yang dilantik oleh Ketua Hakim Negara untuk menimbangkan rayuan-rayuan yang diterima daripada pengusaha-pengusaha. Beliau juga telah meminta supaya ditubuhkan sebuah Majlis Penasihat untuk memberi nasihat kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian dalam hal-hal mengenai perindustrian.

Seperti yang pernah saya nyatakan di Dewan Yang Mulia ini, Akta Penyelarasan Perindustrian tidaklah menghalang usaha kita untuk menarik lebih banyak pelaburan asing ke negara ini. Umpamanya, dalam lawatan saya ke Amerika Syarikat baru-baru ini, adalah didapati bahawa Akta tersebut tidak menjadi masalah kepada pelabur-pelabur di sana. Sebenarnya pelabur Amerika memang familiar dengan masalah seperti ini kerana mereka yang didesak supaya restructure perusahaan mereka di Amerika sendiri dengan mengambil pekerja berbagai kaum dan sex untuk mencerminkan keadaan di Amerika. Begitu juga halnya dengan perbincangan-perbincangan yang telah saya adakan dengan pelabur-pelabur dari negara-negara lain.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar supaya Akta ini dipinda bagi menubuhkan sebuah panel rayuan yang bebas dan juga sebuah Majlis Penasihat, saya suka lah menjelaskan bahawa buat masa ini Kerajaan tidak mempunyai apa-apa cadangan untuk berbuat demikian. Walau bagaimanapun, Kerajaan adalah sentiasa berusaha untuk memperbaiki segala kelemahan-kelemahan yang mungkin ada dalam pelaksanaan Akta tersebut. Jika difikirkan perlu dipinda Akta ini, maka syor-syor Ahli Yang Berhormat itu akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Berhubung dengan syor Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson supaya pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengambil tindakan untuk memberhentikan kemerosotan ekonomi, ingin saya menyatakan bahawa kemerosotan ekonomi adalah disebabkan oleh kegagalan ekonomi dunia pulih semula selepas krisis minyak dan inflasi yang berikuit. Banyak negara-negara yang biasanya melabur di negara asing sedang menumpu perhatian kepada pelaburan di dalam negara masing-masing. Walaupun demikian, berbanding dengan negara-negara membangun yang lain yang juga cuba menarik pelaburan, paras pelaburan di Malaysia tidaklah mengecewakan kita. Walau bagaimanapun, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan mengambil tindakan-tindakan untuk menarik pelaburan di negara ini dan langkah-langkah penting yang akan diambil adalah seperti berikut:

- (i) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan telah dan akan menganjurkan seminar-seminar pelaburan untuk para pelabur tempatan dan luar negeri di mana pihak Kerajaan telah mengambil kesempatan di seminar-seminar itu untuk menerangkan dasar-dasar dan peraturan-peraturan Kerajaan mengenai pembangunan perindustrian, kemudahan-kemudahan serta galakan-galakan yang ditawarkan oleh Kerajaan untuk projek-projek perindustrian dan juga peluang-peluang pelaburan yang terdapat di negara ini. Selain daripada mengadakan seminar-seminar galakan pelaburan, Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan juga sedang merancang untuk menghantar rombongan-rombongan projek tertentu untuk mengadakan perbincangan-perbincangan secara langsung dengan satu-satu pengilang di negara-negara maju untuk menarik minat mereka melabur dalam perusahaan-perusahaan berasaskan pertanian, kayu-kayuan, getah dan lain-lain. Dalam tahun ini, rancangan-rancangan telah pun diatur untuk menghantar rombongan-rombongan galakan projek tertentu ke Amerika Syarikat, Jepun, Eropah dan negara Scandinavia. Setakat ini 6 seminar-seminar pelaburan negeri telah diadakan untuk para pelabur tempatan di Sarawak, Sabah, Kelantan, Trengganu, Kedah dan Perak. Di samping itu satu seminar

Wilayah Utara yang meliputi negeri-negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis dan satu seminar pelaburan Wilayah Selatan yang meliputi negeri-negeri Johor, Pahang, Melaka dan Republik Singapura telah diadakan. Dalam tahun ini langkah-langkah sedang diatur untuk menganjurkan seminar-seminar negeri di Sarawak, Sabah dan Pahang dan satu Seminar pelaburan Wilayah Tengah meliputi Selangor dan Negeri Sembilan;

- (ii) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan telahpun menubuhkan pejabat-pejabat di dalam negeri ini dan juga di luar negeri. Pejabat-pejabat di dalam negeri yang telah dibuka adalah di Alor Setar, Kuching, Kuantan, Kota Kinabalu, Kota Bharu dan Ipoh dan pusat-pusat galakan pelaburan di luar negeri ialah di Dusseldorf, Paris, London, New York, San Francisco, Tokyo, dan Sydney. Tujuan mengadakan pejabat-pejabat Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan ini adalah untuk menghubungi para pelabur tempatan dan pelabur-pelabur asing dengan secara langsung untuk menarik minat mereka untuk melabur di negeri ini. Dalam tahun ini Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan akan membuka sebuah pejabat Wilayah yang baru di Johor Bahru dan 3 pusat-pusat baru di luar negeri iaitu di Singapura, Hong Kong dan Toronto, Canada;
- (iii) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan juga giat terlibat dalam forum-forum dan seminar-seminar pelaburan yang dianjurkan oleh agensi-agensi antarabangsa seperti SEAP Centre (South East Asia Promotion Centre for Trade, Investment and Tourism), ASEAN, EEC dan lain-lain lagi. Forum-forum dan seminar-seminar ini memberi peluang kepada negara kita untuk membentangkan kepada para pelabur asing peluang-peluang pelaburan di negara ini;
- (iv) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan dari masa ke semasa mengatur dialog-dailog dengan sektor swasta bukan saja melalui perbincangan perseorangan dengan ahli-ahli negeri dan pengusaha-pengusaha tetapi juga melalui mesyuarat-mesyuarat dengan ber-

bagai-bagai Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian, Persekutuan Peladang-peladang mereka dan lain-lain lagi di peringkat negeri dan Persekutuan;

- (v) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan juga menjalankan kempen-kempen mengiklankan yang giat untuk memperkenalkan Malaysia sebagai pusat bagi pelaburan perkilangan. Di samping itu Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan mengedarkan penribitan-penerbitan yang bermutu tinggi dan bahan-bahan bacaan mengenai prospek-prospek pelaburan di Malaysia kepada para pelabur tempatan dan luarnegeri;
- (vi) Kementerian melalui Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan menjalankan kajian-kajian projek dan kajian-kajian feasibilities dengan tujuan untuk membantu para pelabur Malaysia mengesan projek-projek yang viable.
- (vii) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan mengadakan daftar Bakal-bakal pelabur di mana untuk membantu para pelaburan tempatan dan asing untuk mencari rakan usahasama tempatan dan asing yang sesuai untuk projek-projek usahasama.

Selain daripada langkah-langkah yang saya sebutkan tadi, Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah berikut untuk memperbaiki iklim pelaburan di negara ini. Langkah-langkah ini termasuklah:

- (a) Memperbaiki kemudahan-kemudahan infra-structure seperti bekalan air dan elektrik, kemudahan-kemudahan telekom, pengangkutan dan kemudahan-kemudahan pelaburan dan lain-lain lagi;
- (b) Mengkaji semua galakan-galakan pelaburan yang ada sekarang dengan tujuan untuk menawarkan galakan-galakan yang lebih baik kepada para pelabur;
- (c) Mengemaskan jentera pentadbiran untuk membantu para pelabur dengan menyenggarakan projek-projek perindustrian.

Menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri mengenai penyertaan Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian di

mana beliau menyatakan bahawa penyampaian 7% selama 8 tahun ini bererti penyampaian sekadar 0.8% setahun, bererti pada tahun 1980 kita hanya berupaya mencapai tambahan sebanyak 10.5% atau jumlah semuanya menjadi 17.5%, inginlah saya maklumkan bahawa walaupun pada awal jangka masa yang ditetapkan hanya telah mencapai secara purata kurang daripada 1% setahun, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian percaya dalam tempoh 12 tahun yang akan datang kadar pencapaian ini akan menjadi lebih pesat lagi. Memanglah dalam pelaksanaan sesuatu polisi dalam ekonomi yang sedang berkembang, kadar penyampaian di peringkat awal adalah berlawanan, tetapi kadar ini akan meningkat seterusnya dan Kementerian saya yakin bahawa matlamat 30% akan dapat dicapai pada tahun 1980. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ini angka yang dinyatakan oleh beliau hanyalah angka dalam sektor coporate sahaja. Aktiviti-aktiviti perdagangan dan perindustrian pula dalam sektor bukan coporate di mana telah terdapat sebanyak 61,771 buah syarikat ataupun 23.7% daripada syarikat-syarikat yang didaftarkan dengan Pendaftar Perniagaan adalah dimiliki dan diusahakan oleh pengusaha-pengusaha Bumiputra.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Krai di mana beliau telah menyatakan bahawa Dasar Ekonomi Baru hanya akan melahirkan industrialist-industrialist dan peniaga-peniaga Bumiputra di atas kertas sahaja tetapi tidak pada realitinya, inginlah saya memberitahu Ahli Yang Berhormat tersebut bahawa kenyataan itu adalah merupakan "a matter of option" sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedang giat menjalankan usaha-usaha dengan gigih dan bersungguh-sungguh untuk menentukan bahawa penyertaan Bumiputra di bidang perdagangan dan perindustrian adalah merupakan penyertaan yang sebenar (*genuine participation*) oleh kaum Bumiputra. Sebagai contoh, dari segi pengedaran barang-barang sehingga pengakhiran tahun 1977, sebanyak 1,218 buah syarikat Bumiputra telah berkecimpung bagi mengedarkan barang-barang

seperti rokok, minuman, susu, tepung, gula, minyak gas, pam minyak, motosikal, motor, lori, basikal barang-barang binaan, barang-barang letrik. Kebanyakan daripada barang-barang yang telah saya sebutkan tadi adalah mempunyai jumlah pengedar-pengedar Bumiputra melebihi 20% daripada jumlah pengedar-pengedar mereka. Daripada jumlah 1,200 jumlah syarikat yang saya sebutkan tadi sebilangan besar, syarikat-syarikat Bumiputra yang tulin yang jika tidak kesemuanya, adalah merupakan dipunyai dan diuruskan oleh kaum Bumiputra sendiri.

Dari segi projek-projek perindustrian pula, sehingga pengakhiran tahun 1976 sebanyak 315 projek telah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk dilaksanakan oleh Syarikat-syarikat Bumiputra. Projek-projek yang berkenaan adalah dibiayai dan diuruskan oleh Bumiputra samada secara terus ataupun secara usahasama.

Dari kenyataan yang saya sebutkan tadi, nyatalah penyertaan Bumiputra di bidang perdagangan dan perindustrian bukanlah hanya merupakan penyertaan di atas kertas sahaja tetapi adalah merupakan penyertaan tulin yang benar-benar dilakukan oleh kaum Bumiputra.

Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Krai itu juga telah mencadangkan supaya Kerajaan mengambilalih perniagaan-perniagaan yang besar seperti di bidang perlombongan, pembinaan, pembuatan, pemborongan, pengedaran dan lain-lain lagi oleh agensi-agensi Kerajaan bagi memudahkan perniagaan-perniagaan tersebut diserahkan kepada kaum Bumiputra di satu hari nanti. Perbuatan ini amat digemari oleh penganut-penganut socialisme dan nasionlise yang extreme. Malangnya, kita dapati mana-mana negara yang memilih jalan yang nampak mudah ini telah dapati bahawa hasilnya berbeza sekali dari jangkaan. Perusahaan yang diambilalih biasanya menjadi bankrap dan tidak berguna untuk sesiapa. Di negara ini juga banyak perniagaan dan perusahaan dimiliki oleh Kerajaan dan diurus oleh kakitangan awam. Malangnya, kebanyakan telah gagal. Yang jelas dari peristiwa ini ialah pemilikan perniagaan dan perusahaan tidak membawa kebaikan ekonomi. Yang penting ialah kecekapan pengurusan. Ekonomi Bumiputra dan Dasar Ekonomi Baru tidak akan mempunyai makna jika pelaksanaannya melalui sistem sosialis yang digemari oleh Ahli Yang Berhormat membawa kerugian kepada

negara dan kepada Bumiputra. Ahli Yang Berhormat sendiri tentu termaklum bahawa di waktu Kelantan berada di bawah Kerajaan Parti PAS bukan sahaja perusahaan asing tidak diambilalih tetapi sebahagian besar dari negeri diberi kepada bukan Bumiputra dan pengusaha luar negeri untuk diusahakan. Ini menunjuk bahawa Ahli Yang Berhormat sendiri tidak begitu yakin kepada cadangan yang dibuat dalam ucapan beliau. Sebaliknya Kerajaan yakin cara yang diamalkan sekarang iaitu pembahagian kek ekonomi yang membesar akan lebih berkesan dalam menjayakan Dasar Ekonomi Baru.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tumpat berhubung dengan matlamat 30% penyertaan Bumiputra di bidang perdagangan dan perindustrian di mana beliau telah menyatakan bahawa setakat ini hanya 3% sahaja telah dicapai dan kadar tersebut amatlah perlahan dan beliau juga telah menggesa pegawai-pegawai tinggi Kerajaan supaya lebih bersungguh-sungguh dan jujur untuk melaksanakan matlamat ini, sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat tersebut bahawa pihak Kerajaan memanglah bersungguh-sungguh dan jujur di dalam melaksanakan tanggungjawabnya bagi mencapai matalamat 30% penyertaan kaum Bumiputra di bidang perdagangan dan perindustrian. Perlulah dinyatakan di sini tugas untuk mencapai matalamat tersebut bukan sahaja terletak di bahu semua pegawai-pegawai Kerajaan malahan juga di bahu mereka-mereka yang ada berkenaan di dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan memang sedar tentang kedudukan penyertaan Bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perindustrian ini. Memanglah benar di bidang-bidang tertentu penyertaan Bumiputra amatlah berkurangan tetapi apa yang tidak dapat dinafi ialah sejak pelancaran Dasar Ekonomi Baru kita dapat ramai Bumiputra bergiat dalam perniagaan dan perusahaan yang dahulunya mereka tidak terlibat langsung.

Berhubung dengan penyertaan jangka pendek yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu inginlah saya memaklumkan bahawa panduan dan latihan memang sudah sedia ada jalankan oleh agensi-agensi Kerajaan seperti MARA, Pusat Daya Pengeluaran Negara, Perbadanan Pembangunan Bandar dan lain-lain agensi yang berkenaan. Umpamanya Pusat Daya Pengeluaran Negara

bersama-sama dengan MARA, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, RISDA dan Bahagian Hal Ehwal Veteran Kementerian Pertahanan telah melancarkan rancangan Keusahawanan pada pertengahan tahun 1976. Di dalam rancangan ini yang akan berterusan sepanjang jangka masa Rancangan Malaysia Ketiga adalah dijangkakan iaitu seramai 17,500 orang Bumiputra akan mengikuti Kursus Melahir dan Membina Usahawan.

Pada tahun 1976 sebanyak 27 kursus tersebut telah dijalankan untuk seramai 641 Usahawan dan bakal-bakal usahawan Bumiputra. Dalam tahun lalu sebanyak 220 kursus telah dijalankan untuk 3,053 peserta dan di dalam tahun ini adalah dirancangan sebanyak 130 kursus akan dijalankan untuk seramai 3,425 usahawan dan bakal-bakal usahawan kaum Bumiputra. Kerajaan dari semasa ke semasa meneliti rancangan, panduan dan latihan yang diadakan di dalam usaha untuk membantu kaum Bumiputra bagi memastikan supaya ianya benar-benar dapat membantu Bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

Berhubung dengan penyertaan Bumiputra dalam jangka panjang, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, perkara ini sudah sedia dijalankan oleh pihak-pihak Kerajaan melalui agensi-agensi tertentu seperti Institut Teknologi MARA, Bank Negara dan melalui rancangan-rancangan seperti "programme for executive development" dan lain-lain latihan pengurusan. Berhubung dengan penggalakan usaha bersama antara Bumiputra dan bukan Bumiputra, inginlah saya menyatakan bahawa pihak Kerajaan memanglah menggalakkan usahasama-usahasama sedemikian memandangkan ianya dapat memberi peluang kepada kaum Bumiputra mempelajari selok-belok perdagangan dari rakan-rakan bukan Bumiputra. Sungguhpun demikian, pihak Kerajaan juga berharap bahawa pihak Bumiputra yang mengambil bahagian di dalam usahasama-usahasama ini betul-betul mengambil bahagian yang aktif di dalam perniagaan mereka. Bersabit dengan pengeluaran lesen-lesen perniagaan pula, Kerajaan memang sentiasa memastikan supaya permit-permit ini betul-betul diberikan kepada Bumiputra dan pihak Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan yang berseesuaian bagi memastikan supaya penyelesaian tidak berlaku.

Saya ingin menyentuh tentang cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar supaya Kerajaan menubuhkan Tribunal Pengadilan Harga dan sebuah Jabatan Hal Ehwal Pengguna di bawah tanggungjawab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan tujuan untuk mengawal kenaikan harga barang-barang keperluan. Sepertimana yang telah disebutkan di dalam Dewan yang mulia ini, pihak Kerajaan sudahpun mempunyai badan dan jentera pentadbiran yang cukup untuk mengendalikan perkara ini. Badan yang dimaksudkan ialah Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan yang ditubuhkan di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk memberi nasihat kepada saya mengenai polisi harga. Saya rasa Majlis itu telah memainkan peranan yang bermakna dalam memberi nasihat tentang cara-cara mengatasi masalah-masalah yang timbul berkaitan dengan harga. Di Kementerian ini juga telah ditubuhkan Jawatankuasa Kajian Semula Harga bagi mengawal kenaikan harga barang-barang keluaran perusahaan bertaraf perintis. Selain dari itu Kementerian ini juga mempunyai Bahagian Penguatkuasa yang menguatkuasakan undang-undang berkait dengan harga dan menyelia harga barang-barang keperluan. Perlu juga disebutkan bahawa jika terdapat masalah harga yang rumit dan melibatkan sebilangan besar rakyat atau pengguna, rujukan telah dan akan dibuat kepada Kabinet untuk keputusan sewajarnya. Memandangkan kepada hakikat ini, saya rasa badan khusus seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tidaklah perlu ditubuhkan.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mencadangkan supaya tugas Bahagian Hal Ehwal Pengguna diubah supaya ia memberi perhatian khusus kepada kenaikan harga. Saya rasa cadangan ini tidak wajar oleh kerana kepentingan pengguna bukan sahaja terhad kepada masalah harga, tetapi meliputi bidang yang lebih luas lagi. Oleh itu tugas-tugas Bahagian tersebut perlu dikekalkan supaya semua bidang yang melibatkan kepentingan pengguna dan gerakan pengguna dapat diberi perhatian sewajarnya.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh di mana beliau telah meminta Kerajaan untuk memberi pertimbangan yang teliti terhadap penubuhan kilang-kilang swasta di

luarbandar yang telah mendatangkan kesan-kesan yang tidak baik kepada penduduk-penduduk dan alam sekitarnya, inginlah saya memaklumkan bahawa pihak Kerajaan adalah berazam untuk melaksanakan dasar penyelerakan perindustrian ke kawasan-kawasan kurang maju dan dengan ini adalah dijangkakan bahawa banyak projek perindustrian akan ditempatkan di kawasan-kawasan luarbandar. Adalah tidak benar kenyataan Ahli Yang Berhormat tersebut iaitu pihak-pihak swasta bebas mendirikan kilang di mana-mana yang mereka suka. Ini adalah disebabkan bahawa penempatan projek-projek yang hendak didirikan di negara ini adalah tertakluk kepada kelulusan Kementerian saya.

Walaupun projek-projek perindustrian mungkin mengakibatkan pencemaran alam, kesemua projek-projek itu adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Environment Quality Act, 1974) samada projek-projek ini ditempatkan di dalam atau di luarbandar. Ini akan memastikan bahawa pencemaran alam yang diakibatkan oleh kilang-kilang tersebut dapat dikurangkan ke paras yang minima dan penduduk sekitarnya tidak akan menerima kesan-kesan buruknya.

Ahli Yang Berhormat dari Alor Star telah menarik perhatian Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh negara kita dalam hubungan perdagangan dengan negara Australia dan New Zealand dan beliau telah mencadangkan supaya langkah tindakan balas di ambil oleh pihak Kerajaan untuk menyekat impot-impot daripada negara-negara tersebut ke Malaysia. Dalam perkara ini saya ingin menyatakan bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah menyedari sepenuhnya akan sekatan-sekatan yang dibuat, terutamanya oleh negara Australia, terhadap barang-barang eksport dari negara ini. Untuk mengatasi keadaan ini Kerajaan Malaysia telah membuat perwakilan di berbagai-bagai peringkat rasmi, termasuk di peringkat tertinggi di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah berbincang dengan Perdana Menteri Australia sewaktu menghadiri mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel Serantau di Sydney baru-baru ini.

Perkembangan langkah-langkah sekatan oleh negara Australia ke atas impot dari Malaysia ini merupakan perkara yang amat serius dan dengan itu saya ingin memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan meneliti dengan lebih mendalam lagi akan perkembangan-perkembangan ini. Sekiranya dan apabila dirasakan perlu, tindakan balas yang sesuai akan diambil bagi menjamin eksport barang-barang kita ke negara tersebut.

Berhubung dengan Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional seperti yang diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh dan Kangar, inginlah saya memaklumkan bahawa deraf awal undang-undang tersebut telah dibentangkan kepada Jumaah Menteri. Setelah dikaji terdapat beberapa kelemahan dalam deraf ini dan Jumaah Menteri telah mengarah supaya satu deraf yang lebih sesuai dan kemas disediakan untuk pertimbangannya. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedang menyedia deraf baru dan deraf ini akan dipertimbangkan oleh Kerajaan secepat mungkin.

Adalah tidak benar sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh iaitu Rang Undang-undang tersebut tidak dapat dibentangkan di Dewan ini seperti yang dirancangan oleh kerana adanya tentangan oleh pihak-pihak tertentu. Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, penelitian yang mendalam perlu dibuat terhadap deraf undang-undang itu untuk memastikan bahawa matlamat yang dirancangan dapat dicapai dengan secara berkesan dan teratur, dengan tidak menimbulkan sebarang implikasi yang kurang sihat.

Saya suka menyentuh perkara Kontrek Gula dengan Kerajaan Queensland, Australia yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya menganggap pandangan beliau bahawa pengguna-pengguna di negara ini tidak mendapat apa-apa faedah daripada kontrek yang dirundingkan semula adalah satu pandangan yang sangat sempit. Oleh kerana kontrek bekalan gula mentah tersebut adalah merupakan kontrek jangka panjang (long-term contract), iaitu selama 6 tahun dari tahun 1975 hingga 1980, apa-apa faedah yang diperolehi hendaklah dilihat dari segi jangka panjang juga. Untuk memahami kedudukan yang sebenar, kita harus ingat

bahawa harga gula dipasaran dunia pada tahun 1975 telah melambung naik sehingga harga runcit sepatutnya pada tahun itu menjadi 90 sen sekati. Dalam keadaan pasaran yang buruk ini kita berjaya merundingkan satu long-term contract dengan Australia supaya harga runcit terhad kepada 65 sen sekati. Pada tahun 1976 harga gula telah turun dengan tidak disangka-sangka sehingga rendah dari harga kontrek. Berhadapan dengan masalah ini kita terpaksa merundingkan semula perjanjian kita. Pihak Australia boleh berkeras dan menggunakan harga kontrek lama tetapi hasil dari rundingan terakhir mereka bersetuju dengan cadangan kita meminda perjanjian supaya harga runcit gula di Malaysia tidak melebihi 65 sen sekati dengan syarat harga pasaran dunia tidak meningkat terlalu tinggi. Sungguhpun harga runcit tidak dapat dikurangkan tetapi kita telah dapat menyelamatkan foreign exchange sebanyak \$325 juta dan mengelak daripada kenaikan harga runcit pada tahun ini dan tahun-tahun yang berikutan seperti perlu dibuat jika kita gagal meminda long-term contract. Penyelamatan berjuta-juta ringgit foreign exchange dan pengekal harga runcit adalah satu kejayaan. Jika kontrek dimansuh oleh kita secara unilateral, kesannya mungkin pembayaran ganti-rugi yang lebih teruk lagi jika perkara ini dibawa kepada arbitration.

Mengenai pembelian gula mentah dari negara Fiji, Kerajaan juga mempunyai kontrek dengan syarat-syarat yang sama sebagaimana yang terdapat dengan negara Australia. Walau bagaimanapun, setelah dirundingkan semula, Kerajaan juga telah dapat meminta negara Fiji memansuhkan syarat "price escalation clause" serta menurunkan harganya bagi membolehkan Malaysia terus mengekalkan harga diparas 65 sen sekati.

Berdasarkan kepada perkara-perkara yang saya jelaskan tadi, sukalah saya tegaskan di sini bahawa Kerajaan tidak bertujuan untuk mengadakan satu harga yang sentiasa turun naik mengikut perubahan harga gula mentah di pasaran dunia. Sebaliknya Kerajaan telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mengadakan satu harga yang setabil bagi kesenangan dan faedah rakyat. Jika dibandingkan dengan harga runcit di negara-negara lain yang mempunyai kontrek dengan Australia, seperti Jepun, harganya ialah \$1.09 sen sekati, Korea Selatan di mana harganya ialah \$1.45 sen sekati dan Singapura harganya 75

sen sekati, harga di negara kita adalah lebih rendah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya harga runcit diparas 65 sen sekati adalah sangat menasabah kerana ianya adalah selaras dengan kos pengeluaran gula di kebanyakan negara termasuk Malaysia. Oleh hal yang demikian, sekiranya harga runcit di pasaran tempatan diturunkan ianya akan menjejaskan kedudukan kilang-kilang gula yang disatukan (integrated mills) yang mengeluarkan gula dari tebu tanaman tempatan.

4.22 ptg.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan serta teguran yang membina terhadap Kementerian Pertanian. Sungguhpun Kementerian ini dipanggil Kementerian Pertanian, tetapi yang sebenarnya adalah satu Kementerian yang menentukan pengeluaran makanan, kerana Kementerian ini bertanggungjawab kepada agensi-agensi yang terus menerus terlibat dengan pengeluaran makanan ataupun infrastruktur-infrastruktur untuk mengeluarkan barang-barang makanan untuk negara.

Teguran-teguran yang dikeluarkan itu sudah tentu akan dapat menolong kami di Kementerian ini memperbaiki lagi perjalanannya dan juga perlaksanaannya untuk kepentingan kaum tani dan juga nelayan. Sungguhpun demikian, masalah pertanian ini bukanlah satu perkara yang senang, kerana kaum tani dan nelayan di negeri ini belum lagi meningkat kepada peringkat yang diharap-harapkan walaupun negara kita ini adalah negara pertanian. Kementerian ini berhadapan dengan situasi-situasi yang tertentu seperti emosi kaum tani, iklim, cuaca, hawa dan bencana alam seperti monsoon dan kemarau.

Boleh dikatakan persidangan kali ini samada dalam soalan-soalan ataupun perbincangan-perbincangan terhadap Titah di-Raja, maka soal kemarau menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terutama sekali di Kedah dan Perlis. Kerajaan adalah memberikan perhatian yang berat dan saya ibaratkan peristiwa kemarau ini seperti kata pepatah: "berapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul".

Saya katakan begitu kerana kawasan yang dilanda kemarau itu tidak kurang daripada 300,000 ekar bendang di dalam dan di luar MADA, iaitu kawasan yang mengeluarkan lebih daripada 45% daripada keperluan beras negara. Di samping itu, kemarau juga melanda di kawasan-kawasan lain seperti Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Pahang dan Perak.

Kemarau ini adalah "takdir Allah" ataupun an act of God. Mengikut rekodnya kemarau di Kedah ini berlaku dari satu ke satu masa dan telah berlaku dalam tahun-tahun 1945, 1954 dan 1977.

Bezanya dalam tahun 1945 dan 1954 rakyat tidak "menjerit" kerana pada masa itu pemerintah negara ini bertakhta di London dan kemarau 1977 rakyat tani bersuara kerana takhta pemerintahan negara ini berada di Kuala Lumpur.

Kelohan rakyat dalam bendang Kedah dan Perlis seramai 60,000 keluarga (dalam MADA) dan 24,000 keluarga (di luar MADA) adalah sentiasa mendapat simpati Kerajaan dan Kerajaan telahpun bertindak bagi merengankan kesusahan mereka, tetapi yang menghairankan ialah adanya setengah-setengah golongan yang "mengambil kesempatan" dalam hal ini dengan berpura-pura "concerned" terhadap nasib kaum tani yang dilanda kemarau itu.

Dalam menghadapi soal kemarau ini, kita hendaklah bersabar kerana ini ialah takdir Ilahi dan mereka yang mengambil kesempatan dalam masalah kemarau ini bolehlah dianggapkan mereka yang tidak mahu mengakui kehendak Allah. Pihak Kerajaan Pusat atau Negeri bertindak dengan serta-merta apabila keadaan itu bertambah buruk, dan pada awal tahun ini Kerajaan Pusat telah meluluskan bantuan kewangan serta-merta sebanyak \$6.3 juta berikutan dengan keputusan Kerajaan memberhentikan tanaman padi di luar musim yang sepatutnya bermula dalam bulan Februari atau Mac yang lalu. Langkah ini diambil kerana air di Ampangan MUDA dan Ampangan PEDU sudah hampir-hampir kering waktu itu dan jika tanaman musim ini diteruskan juga, maka sudah tentu air tidak mencukupi untuk diberikan kepada petani-petani dan mungkin menimbulkan masalah lain pula.

Petani-petani di luar kawasan MADA juga telah diberi bantuan menerusi jabatan-jabatan dalam Kementerian Pertanian khasnya. Satu

kajian yang teliti sedang dibuat mengenai permintaan bantuan dari Kerajaan Kedah dan Perlis untuk kaum tani di luar MADA. Kajian teliti ini perlu supaya bantuan kecemasan yang diberi kepada mereka di kawasan dalam MADA dan juga di luar MADA adalah adil dan saksama. Satu "formula" sedang diusahakan mengenai permintaan daripada kedua-dua Kerajaan Negeri itu dan formula tersebut akan berasaskan kepada formula yang diberikan dalam kawasan MADA. Saya berharap satu-satu bentuk bantuan akan dapat diumumkan tidak lama lagi, termasuklah cara-cara hendak mentadbirkan bantuan itu. Di samping itu juga Koperasi-koperasi Peladang telah diarah melonggarkan pinjaman kredit hingga ke tahun depan dan kemudahan ini diberikan kepada kaum tani di dalam dan di luar MADA. Jumlah kredit yang dikeluarkan bagi negeri Perlis di kawasan luar MADA tahun lalu berjumlah \$107,000 dan dalam tahun ini sejumlah \$102,000 lagi akan dikeluarkan, manakala di Kedah pula jumlah kreditnya sebanyak \$418,000 tahun lalu, dan lebih-kurang \$1 juta ringgit dianggarkan pada tahun ini. Dalam pada itu pula LPP memberikan subsidy-subsidy input pertanian untuk tanaman jangka pendek disebabkan kemarau ini hampir-hampir 279 ribu ringgit, dan menyediakan alat-alat pemasaran 50 ribu ringgit di Perlis tahun ini, manakala di Kedah pula sebanyak 945 ribu ringgit untuk tanaman jangka pendek dan menyediakan alat-alat pemasaran berjumlah 500 ribu ringgit.

Berhubung dengan Kemarau di Negeri Kedah ini, segala usaha sedang diperhebatkan untuk menambahkan air di Ampangan PEDU dan MUDA. Kerajaan Pusat telah meluluskan satu peruntukan \$2.02 juta bagi "cloud seeding" yang akan dijalankan selama dua tahun. Program ini yang akan dijalankan bersama dengan Jabatan-jabatan lain, khususnya Jabatan Kaji Cuaca akan menggunakan kapalterbang-kapalterbang khas dari pihak swasta. Adalah diharapkan "cloud seeding" ini akan dimulakan pertengahan bulan April ini.

Ramai juga yang menimbulkan masalah kaum nelayan dan syor-syor untuk menambatkan mata pencarian nelayan kecil, dan ada yang mencadangkan dipindahkan mereka ke kawasan-kawasan kemajuan tanah.

Kedudukan nelayan kita ini sangat rumit. Di samping menghadapi lautan yang bergelora mereka juga berhadapan dengan kumpulan-kumpulan yang menggunakan kaum nelayan sebagai perniagaan, dan menjadikan nelayan-nelayan kecil sebagai apa yang mereka panggil "awak-awak" sahaja. Dengan bertambahnya orang yang berada menerusi perusahaan perikanan, maka nelayan-nelayan kecil kita juga menghadapi kekurangan penangkapan kerana nelayan-nelayan yang berada-ada itu tidak mempunyai sifat-sifat tanggungjawab dan mencerooboh ke kawasan-kawasan yang di luar daripada kawasan yang dibenarkan kepada mereka. Dengan sikap yang tidak mempunyai sifat-sifat berperniagaan kemanusiaan itu maka bukan sahaja mereka itu merosakkan sumber-sumber ikan di dasar laut, tetapi juga kadangkala menimbulkan perbalahan antara mereka dengan nelayan-nelayan kecil.

Pihak Kementerian Pertanian bukan sahaja berusaha hendak menolong kaum nelayan kecil ini dengan subsidi-subsidinya tetapi sedang berusaha untuk membanyakkan sumber-sumber laut seperti membiakkan ikan, meluaskan ternakan kerang, mengadakan program-program artificial barrier reef atau membuat sangkar ikan di beberapa tempat di laut kita, dan di samping itu mengadakan program menternak ikan di kolam-kolam (fresh water fish). Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sejumlah \$70 juta diuntukkan kepada subsidi membeli alat-alat penangkapan ikan seperti pukat dan injin bot kepada nelayan-nelayan kecil, \$2 juta untuk subsidi ikan air tawar dan Majuikan pula mengadakan modal pusingan sebanyak \$23.8 juta.

Dalam lapangan pertanian, 550 orang nelayan telahpun ditempatkan di beberapa rancangan FELDA dan 108 orang lagi masih menunggu mendapatkan di rancangan-rancangan serupa itu. Di antara tahun 1977 hingga 1980, adalah dianggarkan kira-kira 986 orang nelayan dijangka akan dapat ditempatkan di beberapa buah rancangan FELDA di Trengganu sahaja.

Dalam pada itu pula sekarang ini Kementerian Pertanian sedang menguruskan detail-detail untuk memberikan subsidi diesel kepada kaum nelayan kita. Di bawah program subsidi diesel ini adalah dijangka 10 juta gelen minyak diesel akan digunakan dan akan memakan belanja lebihkurang setengah juta ringgit pada tiap-tiap bulan. Semuanya ini

bertujuan mengurangkan "cost" yang ditanggung oleh kaum nelayan dengan harapan dapat menambah atau meninggikan "income" mereka.

Saya tidak bersetuju dengan tuduhan yang mengatakan subsidi-subsidi nelayan ini diberikan kepada petani-petani atau kaum nelayan yang menyokong Kerajaan sahaja. Untuk makluman Dewan, semua nelayan adalah diberi pertimbangan dan layanan yang sama oleh Kerajaan. Tidak ada pilih kasih dalam pemberian ini dan asas pemberian adalah semata-mata kepada kedudukan seseorang nelayan itu. Tiap-tiap pemohon akan diberi markah mengikut sistem pemberian markah dan satu senarai calon-calon yang layak disediakan untuk ditemuduga oleh sebuah Jawatankuasa Temuduga.

Dalam soal mengawal pencerobohan oleh pukut-pukat tunda yang tidak bertanggung-jawab ini maka pihak Kementerian Pertanian sedang bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memberi perlindungan yang lebih kepada kaum nelayan. Kerajaan telah bersetuju membeli empat buah kapalterbang untuk membantu tugas-tugas meronda sekitar kawasan perairan pantai kita yang ditambahkan kepada Polis Merin. Kawalan ini amat penting kerana ianya boleh mencetuskan pergaduhan, kehilangan nyawa dan harta-benda seperti yang telah pernah berlaku. Untuk makluman Dewan antara tahun 1971 hingga tahun 1978 sebanyak 85 pergaduhan berlaku, 77 di Perak, 5 di Pulau Pinang, satu di Kedah dan satu di Johor dan 30 orang terbunuh: di Perak 29 orang dan di Pulau Pinang satu orang.

Menyentuh kemusykilan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sarawak yang mengatakan bantuan lembu diberhentikan, saya suka menjelaskan bahawa Rancangan Pawah dalam negeri itu telah diberhentikan dalam tahun 1973. Sebagai gantinya, Kerajaan Negeri menyediakan subsidi di bawah Rancangan Memperbaiki Ternakan (Animal Husbandry Improvement Scheme). Di bawah skim ini anak lembu jantan baka baik diberikan kepada penternak-penternak dengan harga subsidi bagi meninggikan mutu ternakan itu. Skim ini serupalah juga dengan skim yang dahulu.

Yang sebenarnya Kementerian Pertanian menitikberatkan sangat soal ternakan lembu ini kerana daripada skim yang telah diadakan projek-projek ini dapat memberi pendapatan

tambahan kepada kaum tani kita. Mengikut Pilot Projek yang dibuat maka pendapatan seseorang peserta dalam program menternak lembu ini ialah antara \$100 ke \$115 sebulan iaitu di bawah program pengumpulan susu. Di bawah program ini, Kerajaan akan menubuhkan sebanyak 22 Pusat Pengumpulan Susu dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, dan 10 daripadanya telahpun dibina dan mulai mengeluarkan hasil susu. Ini tidak termasuk yang diusahakan oleh MAJU-TERNAK. Bahagian Haiwan telah merancang bahawa tiap-tiap Pusat Pengumpulan susu itu akan mempunyai 500 orang peserta dengan 2,000 ekor lembu kacukan. Anggaran pengeluaran susu daripada tiap-tiap Pusat Pengumpulan Susu itu adalah 2,000 gelen sehari.

Sekarang ini Kementerian Pertanian sedang memikirkan langkah-langkah untuk mengadakan satu sistem di mana harga susu dapat diberi jaminan atau minimum price kepada peserta-peserta ini.

Mengenai bantuan lada hitam di Sarawak, sukalah saya menyatakan bahawa sejumlah \$28 juta telah diuntukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Di samping itu pula Kerajaan Negeri Sarawak ada program subsidi yang sebanyak \$200 untuk membeli tiang dan 50% harga baja selama tiga tahun.

Dalam Bahagian Ketujuh, Negeri Sarawak dalam tahun 1977 seluas 214 ekar telah menerima bantuan subsidi. Bagi tahun 1978 ini, adalah dijangka seluas 270 ekar lagi akan dapat bantuan.

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh dan mengesyorkan supaya bunga atau faedah pinjaman dari Bank Pertanian diturunkan lagi kepada 3%. Untuk makluman Dewan, bank ini menerima punca kewangannya dari pinjaman Kerajaan yang dikenakan faedah 4% setahun. Mengikut kajian Bank Pertanian Malaysia, faedah yang dikenakan oleh Bank Pertanian itu adalah merupakan sebahagian kecil dari jumlah kos projek keseluruhannya. Yang lebih penting patut diberikan perhatian ialah "viability" sesuatu projek. Jika projek itu tidak "viable" maka pinjaman tanpa faedahpun tidak akan memberi faedah.

Walau bagaimanapun, satu kajian sedang dibuat sekarang atas masalah bunga atau faedah dari Bank Pertanian. Kajian ini akan meliputi kedudukan pinjaman kepada seluruh

kaum tani dan nelayan dalam berbagai-bagai bidang dan jenis serta implikasi-implikasinya yang dihadapi oleh Bank Pertanian.

Akhirnya, sukalah saya hendak menyentuh syor daripada Yang Berhormat Wakil dari Jerai yang membawa usul ini yang meminta supaya Kementerian Pertanian berusaha agar Padi Kunca dapat dihapuskan. Seperti yang kita maklum masalah Padi Kunca bukanlah satu perkara yang baharu dan petani-petani bolehlah dikatakan addicted kepada sistem pada kunca ini. Walau bagaimanapun, saya telah mengarahkan Bank Pertanian dan juga Bank Rakyat untuk menjalankan satu study atau kajian atas syor Yang Berhormat itu, dan saya akan kaji hasil daripada kajian mereka itu kelak.

4.41 ptg.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas atas usul menjunjung kasih telah menyentuh kerja Kementerian saya serta membayangkan beberapa soalan-soalan dan juga telah membuat komen-komen, cadangan dan pandangan-pandangan yang berguna. Saya sangat menghargai dan menjunjung tinggi di atas usaha yang telah ditunjukkan dan saya ingin memberikan jaminan bahawa perkara-perkara ini akan diberikan perhatian sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, tahun lepas adalah tahun yang paling aktif dan sibuk di Kementerian saya dan di atas aktiviti-aktiviti ini saya berasa puas hati dan bangga di atas perjalanan dan kerja-kerja yang dibuatkan itu. Bukan sahaja kami telah menerima tetamu-tetamu dan pelawat-pelawat dari luar negeri, bahkan Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri dan saya sendiri telahpun membuat beberapa lawatan keluar negeri, Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri telah membuat lawatan rasmi ke Egypt, Iraq, Libya, Turki dan Amerika Syarikat. Beliau juga telahpun mengetuai delegasi-delegasi kita ke Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel di London dalam bulan Jun tahun yang lepas serta ke session Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu yang ke 32 di New York pada bulan Oktober yang lepas.

Pada masa yang sama juga saya telahpun melawat beberapa negara di Timur dan Barat, Asia Barat dan juga Asia Tenggara. Keseluruhan lawatan-lawatan ini telahpun menunjukkan kemahuan Malaysia untuk memupuk persahabatan di antara semua negara selaras dengan dasar berkecuali kita.

Kesemua negara-negara yang kami telah lawati itu terutama sekali negara-negara Asia Barat, kami telah mengeratkan lagi tali perhubungan dengan negara-negara tersebut dengan menandatangani beberapa persetujuan di bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan. Kami telah juga menubuhkan Suruhanjaya Bersama untuk mengawal pelaksanaan perjanjian-perjanjian tersebut. Dengan demikian kami telah membukakan jalan kepada sektor-sektor swasta dan awam untuk melibatkan diri dalam perhubungan-perhubungan yang lebih rapat dengan negara-negara tersebut.

Perhubungan-perhubungan ini saya percaya akan memberikan hasil yang berfaedah kepada kedua-kedua belah pihak. Walau bagaimanapun, kita haruslah menentukan bahawa jentera Kerajaan kita diarahkan sepenuhnya untuk merebut peluang-peluang yang sekarang terbuka kepada kita. Memandangkan hal tersebut kami telah menubuhkan Jawatankuasa Perhubungan Ekonomi antara Kementerian yang mana saya adalah pengurusnya. Jawatankuasa ini yang mengandungi wakil-wakil daripada Kementerian Kewangan, Perusahaan Utama, Perdagangan dan Perindustrian, Wisma Putra, Bahagian Perancangan Ekonomi, Bank Negara dan Kementerian-kementerian yang berkaitan bermesyuarat dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa penyelarasan di peringkat Kerajaan di atas perkara-perkara ekonomi dan menjadikan kepentingan bersama kepada Kementerian-kementerian tersebut. Dengan cara ini kita akan dapat memastikan supaya setiap yang dijalankan oleh mana-mana pihak diketahui oleh pihak-pihak yang lain.

Peristiwa yang penting pada tahun ini adalah Persidangan Kemuncak ASEAN dan mesyuarat-mesyuarat antara pemimpin-pemimpin ASEAN dan Perdana Menteri-Perdana Menteri Australia, Jepun dan New Zealand selepas Kemuncak tersebut. Persidangan Kemuncak dan mesyuarat-mesyuarat selepas membuktikan dengan sepenuhnya bahawa ASEAN adalah satu pertubuhan yang dapat hidup serta memberikan kesan.

Juga negara-negara anggota memandang berat tanggungjawab masing-masing untuk memastikan kerjasama serantau bagi kemajuan sosial dan ekonomi rakyat-rakyat mereka.

Mesyuarat tersebut telahpun menyumbangkan rasa kesungguhannya dan lebih di antara negara-negara anggota untuk menuhkan dengan segera rantau aman, bebas dan berkecuali. Perkara-perkara yang daripada lima negara yang menandatangani telah menyelesaikan rangka dasar konsep rantau aman, bebas dan berkecuali dan mereka akan mengadakan mesyuarat di Kuala Lumpur tidak lama lagi untuk membincangkan langkah selanjutnya di dalam pelaksanaan konsep tersebut.

Sambil saya bercakap mengenai rantau aman, bebas dan berkecuali ini, ingin saya menyatakan bahawa sokongan yang telah diberikan oleh pemimpin-pemimpin Republik Rakyat China sangat dihargai oleh kita. Saya juga gembira dengan sokongan yang diberikan oleh Demokratik Republik Rakyat Korea yang dinyatakan oleh Timbalan Perdana Menteri semasa lawatan beliau ke Malaysia baru-baru ini. Persidangan Kemuncak ASEAN di Kuala Lumpur juga telah menghulurkan tangan persahabatan kepada negeri-negeri Indo-China. Ini telah dilakukan dengan kesedaran yang penuh bahawa sebagai jiran kita mempunyai kepentingan bersama di dalam keamanan, kesejahteraan dan kestabilan rantau ini.

Bagi Malaysia saya boleh menyatakan bahawa hubungan kita dengan Laos, Kampuchea dan Vietnam sedang berjalan dengan baik. Saya telah berpeluang melawat ketiga-tiga negeri tersebut ini. Pemimpin-pemimpin Kampuchea dan Vietnam telah juga melawat Malaysia. Adalah dengan perhubungan ikrab seperti ini kita dapat membina keyakinan dan kepercayaan yang perlu jika kita ingin bekerja untuk mencapai matlamat bersama.

Tuan Yang di Pertua, kemajuan perhubungan baik dengan negeri-negeri Indo-China tidaklah bercanggah dengan perjuangan kita terhadap pergerakan komunis dalam negeri. Kita mengambil dasar persahabatan dengan semua negeri tanpa mengira sistem politik atau sosial mereka berasaskan hormat menghormati kedaulatan, keutuhan wilayah, kemerdekaan dan tidak campur tangan dalam hal ehwal dalam negeri masing-masing.

Pemimpin-pemimpin negara Indo-China yang saya lawati telah memberi jaminan bahawa mereka tidak akan campur tangan dengan masalah pergerakan komunis yang mereka anggap perkara di dalam negeri yang harus diselesaikan oleh mereka sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah bercakap mengenai keadaan Asia Barat. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar juga telah menyentuh perkara tersebut. Sebaik sahaja serangan Israel terhadap Lebanon, saya telah membuatkan perutusan mengkaji tindakan tersebut dan menyeru supaya askar-askar Israel berundur dengan segera daripada Lebanon. Saya berpuas hati bahawa Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu telah mengambil tindakan untuk mengundurkan segera askar-askar Israel itu. Sebagai sebuah negara yang kecil yang sedang menghadapi ancaman komunis dalam negeri, kita bukan dalam keadaan yang sesuai untuk memberikan sumbangan askar-askar kepada Bangsa-bangsa Bersatu untuk berkhidmat di Lebanon seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun itu. Walau bagaimanapun, kita tetap berdiri teguh dengan saudara-saudara Arab di dalam perjuangan mereka menentang serangan dan gerakan tentera Israel dan kita menyeru supaya masalah Asia Barat ini dapat diselesaikan dengan secara aman dan adil berasaskan kepada pengakuan hak-hak rakyat Palestine untuk menentukan sendiri nasib mereka termasuk hak ke atas tanahair mereka.

Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Semerah telahpun membangkitkan kemungkinan Ahli-ahli Parlimen untuk membuat lawatan-lawatan rasmi ke negara-negara jiran dengan bertujuan untuk mengeratkan perhubungan dengan negara-negara tersebut. Saya akan sokong dan sokong sebarang usaha yang bertujuan seperti ini. Ingin saya menyatakan bahawa Ahli-ahli Parlimen telahpun ada beberapa forum Persatuan Ahli-ahli Parlimen Komanwel, Persatuan antara Ahli-ahli Parlimen serta Persidangan Ahli-ahli Parlimen ASEAN yang memberikan peluang mereka untuk berjumpa dan bertukar pendapat di atas issue-issue kepentingan bersama. Lawatan Ahli-ahli Parlimen ke negara-negara jiran kita telah menambahkan lagi satu bidang dalam aktiviti-aktiviti mereka dan mengeratkan perhubungan di antara negara kita dengan negara-negara yang dilawati itu.

Saya telah mengambil perhatian dan berterima kasih atas cadangan Ahli Yang Berhormat dari Semerah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di atas perhatian berat dan sikap yang sihat dan membina yang telahpun ditunjukkan semasa perbincangan ini. Saya haraplah perkara ini akan berlanjutan di dalam perbincangan-perbincangan kita yang akan datang.

4.50 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Patrick Anek Uren): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin memberi jawapan bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am yang telah mengarahkan saya berbuat demikian di Dewan ini dan saya hanya akan mengambil masa sepanjang dua minit sahaja kerana hanya seorang Ahli Yang Berhormat sahaja di Dewan ini yang telah menyentuh di dalam ucapannya mengenai perkara-perkara di bawah naungan Kementerian Kebajikan Am.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah meminta Kementerian Kebajikan Am membuat kenyataan mengapa perkhidmatan dukun tidak digunakan untuk pemulihan penagih-penagih dadah. Masalah penagihan dadah ialah masalah yang paling besar di negara kita dan menyulitkan pentadbiran negara, maka tindakan Kerajaan dan dasar Kerajaan adalah bertujuan untuk membasmi penagihan ini. Bagaimanapun cara untuk mengubati penagih-penagih sedang dikumpul daripada maklumat-maklumat dari sebarang negara yang telahpun mengalami masalah yang sama dan cara mengubati penagih-penagih yang sekarang dijalankan oleh Kementerian Kebajikan Am bukan hanya satu cara yang akhir.

Memang penagih-penagih dadah yang menggunakan perkhidmatan dukun-dukun sebagaimana yang kita selalu baca dan dilaporkan di dalam surat-khabar dan Kementerian Kebajikan Am telahpun menyuruh beberapa dukun yang menjalankan kerja-kerja itu memberi nama-nama orang yang dikatakan telah dipulihkannya supaya mereka ini boleh diletakkan di bawah seliaan lanjutan yang akan dilaksanakan oleh pegawai

Kebajikan Am selama 2 tahun supaya Kementerian ini dapat menilai sejauh mana pemulihan yang dijalankan oleh dukun-dukun itu telah mencapai kejayaan yang berkesan.

Setakat ini dukun-dukun tersebut belum lagi memberi nama-nama penagih-penagih yang mereka kata telah disembuhkan olehnya. Walau bagaimanapun, Kementerian Kebajikan Am tidak ada menggunakan dukun-dukun di dalam pusat-pusat pemulihannya sekarang dan sebaliknya menjalankan kerja-kerja pemulihan mengikut ability dengan secara individu dan secara berkelompok.

Ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor itu diterima dan kajian akan dibuat atas prinsipnya dari segi mengambil tindakan kalau sekiranya didapati praktik.

4.54 ptg.

Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Datuk Michael Chen): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat masing-masing dan telah menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian saya dalam masa membicarakan Titah Ucapan Di Raja bagi Parlimen Keempat ini.

Dalam perbincangan kali ini saya perhatikan banyak perkara yang berkaitan dengan Perumahan dan Kemajuan Perkampungan telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, saya tidak berhasrat untuk menyentuh atau menjawab semua perkara-perkara yang dibangkitkan itu oleh kerana kebanyakannya telah pun diberitahu dalam Dewan yang mulia ini menerusi jawapan-jawapan mulut kepada soalan-soalan yang dikemukakan dan ucapan-ucapan menggulung di masa-masa yang sudah. Saya akan menyentuh perkara-perkara penting yang dikira perlu diberikan keterangan-keterangan lanjut untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Perkara-perkara yang berkaitan dengan "Rumah Murah" telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Sebelum saya menjawab teguran-teguran Ahli Yang Berhormat berkenaan saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menerangkan bahawa Kementerian saya menggunakan dua istilah untuk rumah murah ini iaitu rumah

awam kos rendah atau "low cost houses" yang mana ditujukan untuk golongan berpendapatan rendah dan yang dibiayai melalui peruntukan Kementerian saya. Lazimnya projek-projek perumahan awam kos rendah ini bukan sahaja tidak mengandungi unsur keuntungan tetapi sebaliknya ada mengandungi subsidi yang diberi oleh Kerajaan iaitu menerusi kadar faedah yang direndahkan dan lain-lain lagi. Satu lagi istilah yang digunakan ialah rumah harga rendah atau "low priced houses". Rumah harga rendah ini diusahakan oleh pihak pemaju swasta sendiri atau dengan usaha-usaha agensi-agensi Kerajaan dan ianya mengandungi unsur keuntungan.

Kementerian saya telah memperuntukkan pinjaman sebanyak \$469,500,000 bagi Kerajaan-kerajaan Negeri membina sejumlah 60,821 yunit rumah dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini. Rumah-rumah ini adalah khas ditujukan kepada rakyat yang berpendapatan rendah. Setelah separuh penggal Rancangan Malaysia Ketiga berjalan Kementerian saya telah meluluskan pinjaman sebanyak \$259,220,185 bagi Kerajaan-kerajaan Negeri membina sejumlah 32,495 yunit rumah. Sehingga 31hb Disember 1977 sejumlah 1,634 yunit rumah yang dimulakan pelaksanaannya dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga telah disiapkan. Sungguhpun Rancangan Malaysia Ketiga lewat sedikit dimulakan dan dalam masa yang sama juga usaha-usaha untuk menyiapkan projek-projek perumahan Rancangan Malaysia Kedua masih giat dilaksanakan, sehingga tahun 1977 sejumlah 7276 yunit rumah telah disiapkan, iaitu satu performance yang kami anggap sebagai memuaskan. Walau bagaimanapun, Kementerian saya masih terus mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi menambahkan kecekapan jentera pelaksanaan rancangan perumahan awam kos rendah ini. Untuk mempercepatkan lagi proses meluluskan pinjaman daripada Kerajaan Negeri itu satu Jawatankuasa Teknikal telah ditubuhkan di Kementerian saya pada awal tahun 1977. Selain daripada bertujuan untuk mempercepatkan kelulusan pinjaman daripada Kerajaan-kerajaan Negeri, Jawatankuasa ini juga ada ditugaskan untuk memberi nasihat dan panduan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya pelaksanaan Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah ini

berjalan dengan lebih pesat dan supaya perancangannya akan dapat memberi faedah dan munafaat yang sepenuhnya kepada bakal penghuni/pembeli-pembeli rumah tersebut kelak.

Memandangkan kepada kemajuan yang agak baik yang telah dicapai dalam tahun 1977 dan awal tahun 1978 dalam mana pelaksanaan rancangan ini "is gaining momentum" saya berasa yakin, sekiranya Kerajaan-kerajaan Negeri dapat memberi tumpuan yang lebih ke arah usaha ini dan dengan izin matlamat untuk membina rumah bagi menampung keperluan golongan berpendapatan rendah ini akan dapat dicapai. Pada masa ini sejumlah 7,333 yunit sedang giat dibina dan 15,986 yunit lagi adalah di peringkat awal penyediaan pelaksanaan. Rumah-rumah bukan sahaja dibina di dalam bandar tetapi tumpun juga diberikan kepada penduduk-penduduk luar bandar untuk menikmati. Rumah untuk kaum nelayan juga telah didirikan di bawah rancangan ini dan sehingga kini peruntukan sebanyak \$3,086,310 untuk membina sejumlah 556 yunit rumah telah diluluskan bagi Kerajaan-kerajaan negeri Pulau Pinang, Johor dan Trengganu. 940 lagi adalah di peringkat perancangan Kerajaan Negeri Trengganu yang melibatkan peruntukan sejumlah \$7,200,000. Jenis-jenis rumah yang dibina kebanyakannya adalah rumah teres 1 tingkat, rumah kayu sesebuah dan rumah pangsa. Projek-projek rumah pangsa kebanyakannya terdapat di Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang. Berbanding dengan prestasi yang dicapai di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua saya rasa kemajuan yang dapat dicapai dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini akan berlipat ganda lagi. Bilangan yunit rumah yang disiapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua ialah 13,244 yunit berharga \$234.8 juta. Sementara itu Kementerian saya akan terus berusaha untuk mempercepatkan lagi pelaksanaan rancangan ini supaya rakyat yang berpendapatan rendah akan mendapat peluang untuk memiliki rumah mereka sendiri yang di dalam lingkungan harga yang boleh mereka mampu.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentu telah mengetahui bahawa usaha untuk membina rumah ini bukanlah satu perkara yang

mudah. Ianya memakan masa dan melibatkan beberapa faktor dan Jabatan-jabatan Kerajaan. Tanah adalah satu bahan yang penting untuk membina rumah dan dalam keadaan sekarang di mana tanah yang sesuai untuk membina rumah semakin sukar didapati, terutama di bandar-bandar, maka sudah tentu kerjasama dari semua yang berkuasa adalah diperlukan bagi menjamin supaya matlamat Kerajaan untuk menolong golongan berpendapatan rendah ini akan dapat dicapai. Tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri mengikut Perlembagaan Malaysia. Oleh yang demikian, masalah tempat di mana sesuatu rancangan perumahan itu perlu diadakan adalah terletak di bawah budi-bicara Kerajaan Negeri masing-masing. Kadang kala sesuatu rancangan perumahan itu tidak dapat dijalankan oleh kerana ketiadaan tanah Kerajaan dan juga infrastruktur. Masalah seperti ini sering terdapat di negeri-negeri kurang maju di Malaysia ini terutama dari segi infrastruktur. Sebelum sesuatu rancangan perumahan itu dapat dijalankan maka infrastruktur seperti bekalan air, jalanraya, bekalan letrik dan sebagainya perlu diadakan terlebih dahulu. Sebab itu jika diperhatikan bahawa kemajuan pelaksanaan rancangan perumahan ini di negeri-negeri yang kurang maju di Malaysia adalah lembab sedikit kalau dibandingkan dengan negeri-negeri yang sudah maju seperti Selangor, Pulau Pinang, Johor, Melaka dan Wilayah Persekutuan.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau dan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar supaya pihak pemaju perumahan swasta digesa untuk membina rumah-rumah harga rendah ini saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian saya telah mengambil berbagai-bagai langkah untuk menjamin supaya lebih banyak lagi rumah harga rendah dibina oleh pemaju-pemaju perumahan swasta. Antara beberapa langkah atau insentif yang diberi oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

(a) Beberapa Kerajaan Negeri (misalnya Negeri Johor) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengenakan syarat supaya beberapa peratus daripada tanah yang diizinkan ditukar syaratnya untuk perumahan hendaklah didirikan dengan rumah-rumah yang harga murah tidak melebihi \$15,000 seunit;

(b) Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan memberi keutamaan kepada permohonan untuk mendapatkan lesen/permit iklan apabila sesuatu rancangan perumahan itu mempunyai Rumah Harga Rendah dan rumah-rumah yang harganya tidak melebihi \$25,000 seunit.

(c) Ada kalanya Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan 1966 telah dilonggarkan atau dikecualikan daripada seksyen 6 (1) (a) mengikut kuasa yang diberikan kepada saya di bawah seksyen 6 (1) (b) daripada mengenakan cukong atau modal yang telah dibayar untuk menolong pemaju perumahan yang ada projek perumahan yang mengandungi rumah harga rendah;

(d) Kerajaan juga mempunyai peruntukan sebanyak \$400 juta melalui MBSB untuk dipinjamkan kepada pembeli-pembeli rumah yang mana harga rumah dalam projek itu tidak melebihi daripada \$20,000 seunit dan keutamaan diberi kepada projek yang mana harga rumah \$12,000 seunit dengan syarat-syarat berikut:

(i) kadar bunga 5½% setahun;

(ii) Pembayaran pinjaman balik dalam tempoh maksima 20 tahun;

(iii) Pinjaman sehingga 90% daripada harga rumah yang ditentukan oleh MBSB.

(e) Beberapa Kerajaan Negeri termasuk Dewan Bandaraya telah pun melonggarkan kehendak-kehendak yang tertentu dalam "Building By-Laws" untuk projek-projek yang mempunyai rumah harga rendah.

Untuk memperbanyakkan lagi pembinaan rumah harga rendah, pada tahun ini satu kajian kemungkinan peringkat nasional mengenai "Integrated Sites & Services and Related Low Cost Housing Programme" dengan bantuan Bank Dunia akan dimulakan dalam sedikit masa lagi, dan satu pendekatan yang menyeluruh dan berkesan bagi seluruh negara akan dapat dimajukan apabila kajian ini selesai kelak. Ianya juga bertujuan untuk mengkaji kemungkinan-kemungkinan rancangan-rancangan perumahan awam kos rendah dalam bentuk yang lain yang sesuai untuk golongan berpendapatan rendah. Sekiranya semua langkah-langkah

dan usaha-usaha yang telah diatur oleh Kerajaan dapat berjalan dengan baik, gejala-gejala buruk daripada pertambahan penduduk dapat dikawal dan keadaan-keadaan yang lain juga mengizinkan maka masalah kekurangan rumah pasti dapat di atasi. Kementerian saya berharap semua ajensi-ajensi Kerajaan dan juga Kerajaan Negeri dapat memberi bantuan dan sokongan kepada kajian tersebut kelak.

Matlamat pemaju swasta dalam Rancangan Malaysia Ketiga ialah 262,000 yunit rumah dan dibahagikan seperti berikut:

(a) Pemaju-pemaju Swasta ...	100,000 yunit
(b) Syarikat-syarikat Kerjasama	12,000 yunit
(c) Orang perseorangan dan kumpulan	150,000 yunit
JUMLAH ...	<u>262,000</u>

Sejauh mana matlamat yang melibatkan pemaju-pemaju swasta adalah diketahui sehingga 31hb Disember 1977 iaitu dalam masa lebih kurang dua tahun pertama Rancangan Malaysia Ketiga, mereka telah menjalankan kemajuan untuk membina 62,585 yunit dan angka ini adalah lebih daripada separuh bilangan matlamat yunit yang hendak dicapai. Memandangkan kepada kemajuan ini tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa jumlah matlamat yunit 100,000 yunit dalam Rancangan Malaysia Ketiga itu akan dapat dicapai. Mengenai bilangan sebanyak 12,000 yunit yang menjadi matlamat Syarikat-syarikat Kerjasama di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, sasaran ini pasti dapat dicapai dengan prestasi yang telah dicapai setakat ini adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, pada masa ini bilangan yunit rumah yang telah dilaksanakan atau disiapkan pembinaan belum lagi diketahui.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai supaya Kerajaan mengkaji kemudahan kewangan atau pinjaman kepada pembeli-pembeli rumah saya ingin menjelaskan bahawa pada masa ini sudah terdapat banyak program pembiayaan pembelian rumah (end financing) yang telah diadakan. Pada masa ini institusi-institusi yang boleh menolong pembeli-pembeli rumah untuk mendapatkan pinjaman adalah seperti Syarikat Perumahan Malaysia Berhad (MBSB), Bank Negara, MARA, Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan, Bank-bank Perniagaan, Syarikat-syarikat Kewangan dan

Kementerian saya yang mengendalikan Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan untuk golongan berpendapatan rendah. Di bawah rancangan Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan ini rakyat golongan berpendapatan rendah yang telah mempunyai tapak perumahan diberi peluang untuk meminjam bagi membina rumah mereka sendiri. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh keadaan yang tidak dapat dilakukan sekim pinjaman ini hanya boleh dilaksanakan di Kuala Trengganu, 10 batu kawasan bandar Ipoh, Wilayah Persekutuan dan Selangor sahaja dan terhad kepada sekim-sekim berikut:

Sekim A—Untuk mereka yang mempunyai tanah dip persekitaran sesuatu estet perindustrian;

Sekim B—Penduduk kampung-kampung baru yang ada tanah;

Sekim C—Pekerja estet dan lombong;

Sekim D—Setinggalan-setinggalan yang terlibat dalam kawasan projek pembangunan Kerajaan Persekutuan.

Saya sukacita memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa projek pertama dibawah sekim C yang mengandungi 150 yunit rumah di Kuala Ketil, Kedah telah siap dilaksanakan dan projek kedua sejumlah 110 yunit rumah di Ladang Tenamaran, Selangor akan siap dalam sedikit masa lagi. Empat projek baru sedang dirancang sekarang dan banyak projek-projek di bawah sekim ini akan dijalankan dari masa ke semasa. Kakitangan bagi mengendalikan jentera pentadbiran ini di Kementerian amatlah terhad. Oleh sebab itu, kerjasama dari Kerajaan Negeri bagi membantu Kementerian melaksanakan sekim ini amatlah dikehendaki dan dihargai. Kementerian berazam sekiranya projek ini beroleh kejayaan di kawasan-kawasan implementasi yang dipilih kakitangan pentadbiran di peringkat Ibu Pejabat akan diperbanyakkan dan kawasan implementasi juga akan diperluaskan. Di samping itu pihak Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Sarawak juga telah menjalankan satu rancangan pinjaman kepada penduduk-penduduk luar bandar yang dinamakan Rancangan Pinjaman kepada Orang Perseorangan dan Rancangan Rumah Panjang. Memandangkan bahawa sudah terdapat banyak institusi yang boleh menolong pembeli-pembeli rumah bagi mendapatkan pinjaman bagi maksud membeli rumah maka

buat masa ini Kementerian saya belum lagi mempunyai cadangan untuk mengkaji kemudahan dari segi kewangan seperti mana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengesyorkan supaya Kementerian saya mempercepatkan langkah untuk dibentuk Panel Perumahan bagi menyelesaikan sebarang masalah berkaitan dengan aduan-aduan berhubung dengan masalah perumahan. Dalam hubungan ini saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat berkenaan bahawa seperti mana yang telah saya nyatakan dalam Dewan ini pada 27hb Mac 1978 bahawa Kementerian saya belum lagi bercadang untuk menubuhkan Panel tersebut. Walau bagaimanapun, apabila tiba masanya dan jika perlu Kementerian saya akan menimbangkan kemungkinan mengadakan sebuah panel atau Jawatankuasa bagi meneliti karya pertukangan perumahan swasta dan menimbangkan aduan-aduan yang diterima daripada pembeli-pembeli rumah. Pada masa ini apabila aduan-aduan daripada pembeli-pembeli diterima oleh Kementerian saya, ianya dirujukkan kepada pemaju-pemaju perumahan berlesen yang berkenaan untuk penjelasan, pembetulan dan penyelesaian. Kerap kali pihak pemaju dan juga pihak pengadu diminta berunding dengan pegawai-pegawai di Kementerian supaya penyelesaian yang memuaskan dapat dicapai dengan segera. Pegawai-pegawai Pengawasan dan Penguatkuasa di Kementerian juga sentiasa membuat lawatan ke tapak perumahan yang berkenaan untuk menjalankan siasatan lanjut mengenai aduan-aduan yang diterima. Kadangkala aduan yang diterima itu juga melibatkan lain-lain badan Kerajaan seperti pihak berkuasa tempatan, pihak perancangan, pejabat tanah dan sebagainya dan Kementerian saya adalah menjalankan tugas-tugas penyelarasan bagi menyelesaikan sebarang aduan berkenaan. Aduan-aduan mengenai perumahan ini kebanyakannya melibatkan pertikaian antara pemaju dan pembeli di atas obligasi-obligasi kontrak, yang pada akhirnya harus diselesaikan di Mahkamah. Sungguhpun demikian, Kementerian boleh dan dapat memainkan peranan yang penting dengan menjalankan tugas-tugas perantaraan di antara pihak-pihak yang terlibat supaya sebarang pertikaian diselesaikan secara perundingan dan

tolakansur. Selain daripada dari merujukkan aduan-aduan yang diterima kepada pemaju-pemaju perumahan yang berkenaan untuk tindakan mereka, Kementerian saya juga memainkan peranan yang positif secara menyelidik aduan-aduan tersebut bagi memutuskan samada pemaju-pemaju perumahan yang berkenaan menjalankan urusaniaga kemajuan perumahannya dengan cara yang bertanggungjawab ataupun samada sebarang peruntukan di bawah Akta/Kaedah-kaedah (Mengawal & Melesen) Pemaju Perumahan telah dilanggar.

Oleh yang demikian, buat sementara waktu ini, saya fikir jentera atau organisasi yang ada sekarang di Kementerian saya adalah mencukupi bagi menyalurkan dan menyelesaikan aduan-aduan yang diterima daripada pembeli-pembeli rumah. Saya suka menambahkan juga bahawa sebahagian besar daripada masa dan tenaga pihak pengawasan dan penguatkuasa adalah ditumpukan kepada pertimbangan dan penyelesaian aduan-aduan tersebut.

Dalam perbahasan kali ini, masalah penubuhan Lembaga Kemajuan Perumahan bagi menggantikan Jabatan Perumahan Negara yang ada sekarang telah dibangkitkan lagi. Syor seperti ini telah beberapa kali dibuat dalam Dewan yang mulia ini dan setiap kali syor sedemikian dibuat saya telah memberitahu bahawa Kementerian saya tidak bercadang untuk membubarkan Jabatan Perumahan Negara dan menggantikannya dengan sebuah Lembaga atau lain-lain badan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun mempunyai beberapa agensi tertentu di peringkat Kebangsaan dan Negeri untuk melaksanakan pembinaan rumah-rumah.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah sedia maklum bahawa Jabatan Perumahan Negara baru sahaja mula menjalankan tugas-tugasnya sejak pertengahan tahun 1976. Tugas utama Jabatan Perumahan Negara bukan sahaja untuk menyelaras dan memberi khidmat nasihat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dalam usaha mereka menjalankan projek-projek perumahan awam untuk golongan berpendapatan rendah, malahan Jabatan ini juga memberi bantuan teknikal yang lain kepada negeri-negeri yang memerlukannya. Pada masa ini negeri-negeri yang telah bersetuju menerima perkhidmatan Jabatan Perumahan

Negara ialah Kelantan, Trengganu, Johor, Kedah, Perak dan Perlis. Kerajaan Negeri Sembilan telah juga menyatakan hasratnya untuk menggunakan perkhidmatan Jabatan Perumahan Negara. Di antara negeri-negeri yang menggunakan perkhidmatan Jabatan Perumahan Negara hanya negeri Kelantan sahaja yang menggunakannya 100%. Negeri-negeri lain adalah dibantu oleh agensi-agensi peringkat negeri seperti JKR dan juga Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri masing-masing. Adalah tidak wajar untuk memaksa Kerajaan-kerajaan Negeri supaya menyerahkan kesemua projek-projek perumahan awam kos rendah mereka kepada Jabatan Perumahan Negara oleh kerana Kerajaan-kerajaan Negeri juga ingin menghidupkan dan memberi pengalaman kepada agensi mereka sendiri. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan terus berusaha dan sentiasa bersedia untuk menolong semua Kerajaan Negeri dalam usaha melaksanakan Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah ini.

Sayugia diingatkan di sini bahawa kakitangan teknikal Jabatan Perumahan Negara baru sahaja diperolehi dengan banyaknya dalam tahun 1977 dan sebelum ini Jabatan ini hanya menggunakan kakitangan bekas Lembaga Perumahan yang telah diserapkan untuk berkhidmat dengan Jabatan Perumahan Negara. Masih lagi terdapat banyak jawatan-jawatan teknikal yang kosong di Jabatan ini dan adalah diharapkan keadaan ini akan beransur baik. Sungguhpun demikian, Jabatan Perumahan Negara telah dapat menyiapkan sejumlah 658 yunit rumah sehingga akhir Februari 1978 dan sedang menyelenggarakan pembinaan 3,486 yunit rumah di negeri-negeri yang telah bersetuju menerima perkhidmatannya. Jabatan Perumahan negara menganggarkan sebanyak 15,000 yunit rumah dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini iaitu 25% daripada matlamat yunit rumah awam kos rendah dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Walaupun bagaimanapun, pada peringkat ini, kita lihat dan teliti dahulu perjalanan dan kemajuan yang dicapai oleh Jabatan Perumahan Negara dan sekiranya difikirkan perlu maka saya akan memberi pertimbangan sewajarnya kepada cadangan Ahli Yang Berhormat berkenaan.

Menyentuh tentang masalah pembahagian rumah-rumah awam kos rendah, saya ingin sekali lagi menjelaskan bahawa garis panduan Kebangsaan yang telah disediakan oleh Kementerian saya memang telah sedia ada pada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk panduan dan diamalkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Garis panduan yang telah disediakan itu adalah membayangkan hasrat dan dasar Kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan perumahan di kalangan golongan berpendapatan rendah keseluruhannya. Sungguhpun demikian pihak Kerajaan-kerajaan Negeri dan Dewan Bandaraya adalah dibenarkan mengubah dan menyesuaikan garis panduan tersebut mengikut keadaan di satu-satu negeri dan daerah serta juga bagi memastikan tujuan Dasar Ekonomi Baru terlaksana. Bahagian Penyelaras Perlaksanaan Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian saya juga memberi perhatian yang berat dalam hal dan sentiasa berhubung rapat dengan pihak Dewan Bandaraya serta Kerajaan-kerajaan negeri untuk memastikan pencapaian matlamat itu. Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat berkenaan mempunyai komplain tertentu mengenai ketidak-adilan pembahagian rumah-rumah awam kos rendah, maka amatlah dihargai sekiranya Yang Berhormat dapat memberikan butir-butir lanjut mengenai komplain tersebut bagi membolehkan Kementerian saya membuat penyiasatan selanjutnya. Oleh sebab buat masa ini garis panduan ini telah pun memadai dan masih boleh dipakai saya dukacita dan tidak dapat menerima syor Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu supaya undang-undang diadakan berhubung dengan sistem pembahagian rumah.

Mengenai sungutan Ahli Yang Berhormat dari Silam bahawa rumah-rumah awam kos rendah yang dibina di Tawau tidak memuaskan dan tidak sempurna saya ingin menjelaskan bahawa rumah-rumah tersebut adalah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perumahan Negeri Sabah dan saya berjanji akan menyiasat perkara ini. Saya tidak pasti samada rumah-rumah tersebut telah diduduki atau sebaliknya. Sekiranya telah diluluskan untuk diduduki ianya dianggap telah mencapai standard yang diperlukan dari segi pembinaan, pelan dan sebagainya. Biasanya kelulusan ini diberikan oleh pihak berkuasa tempatan yang mempunyai undang-undang

dan peraturan-peraturan tertentu bagi mengawasi supaya standard yang sesuai dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat dalam pembinaan rumah-rumah tersebut.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kampung-kampung baru di Semenanjung Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, usaha memperluaskan atau memodenkan kehidupan di kampung-kampung baru adalah sedang dilaksanakan secara menyeluruh dan melibatkan kajian mendalam (bagi maksud menyediakan peluang-peluang pendapatan yang bertambah) serta memperbaiki infrastruktur kampung-kampung tersebut. Matlamat meluaskan kampung-kampung baru hendaklah tidak diertikan sebagai meluaskan secara fizikal atau kawasan semata-mata kerana dalam keadaan di mana tanah menjadi halangan untuk proses perluasan, proses tersebut hendaklah diertikan sebagai mengikhtikarkan menambahkan pendapatan dari kawasan-kawasan lain atau dari punca-punca selain daripada tanah yang berdekatan. Punca-punca tersebut telah didapati di beberapa kampung baru (seperti Kepong) iaitu pekerjaan perindustrian dan di kampung-kampung baru yang lain melalui usaha-usaha pertanian.

Mengenai cadangan supaya Kementerian saya ini juga menglibatkan diri dalam memajukan kampung-kampung tradisi maka saya ingin menjelaskan bahawa pada tahun 1977 apabila bidang tugas Kementerian saya diperluaskan bagi meliputi juga kampung-kampung tradisi diperekitaran kampung-kampung baru, Kementerian saya telah meluluskan peruntukan untuk projek-projek kecil di kampung-kampung tradisi di Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Kementerian saya akan terus memberi bantuan kepada kampung-kampung tersebut untuk melaksanakan projek-projek kecil berdasarkan kepada "felt needs" penduduk-penduduk kampung-kampung berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Mantin, Kementerian saya sedar bahawa masih terdapat ramai lagi rakyat berpendapatan rendah yang ingin untuk memiliki rumah awam kos rendah ini. Kementerian saya akan terus berusaha sedaya upaya untuk melaksanakan projek-projek perumahan awam kos rendah ini mengikut jadual seperti

mana yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini dengan segera. Berbeza dengan Rancangan Malaysia Kedua, projek-projek perumahan awam kos rendah di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah berselerak di merata-rata tempat di Malaysia dan dengan keadaan demikian ianya mungkin memberi gambaran kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan juga orang ramai bahawa kemajuan yang telah dicapai adalah tidak sebegitu memuaskan seperti mana dijangka. Pada hakikat yang sebenarnya daripada angka-angka yunit rumah yang mana pembinaannya sedang giat diselenggarakan jumlah sebenarnya adalah tiga kali lebih banyak berbanding dengan jumlah yunit di dalam Rancangan Malaysia Kedua. Satu lagi faktor yang mungkin boleh memberi gambaran yang salah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah disebabkan sekarang ini projek-projek perumahan awam kos rendah ini adalah dilaksanakan oleh berbagai agensi seperti Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Jabatan Kerja Raya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Suruhanjaya-suruhanjaya Perumahan Sabah dan Sarawak; dan bukan oleh Lembaga Perumahan sepenuhnya seperti mana di dalam Rancangan Malaysia Kedua.

Tambahan pula peruntukan sebanyak \$400 juta telah diadakan melalui Syarikat Perumahan Malaysia Berhad (MBSB) bagi membolehkan perlaksanaan projek-projek perumahan yang lain untuk rakyat yang berpendapatan rendah kurang daripada \$500 sebulan telah juga dilaksanakan dengan jayanya semenjak awal tahun 1977. Sehingga sekarang sejumlah 12,000 yunit telah diluluskan dan masih dalam pembinaan. Kebanyakan daripada projek-projek ini dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan dan Pemaju-pemaju perumahan swasta. Projek-projek ini juga boleh disalah anggap oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sebagai projek perumahan yang dikendalikan oleh Kementerian saya. Pada keseluruhannya masalah kekurangan rumah dalam negara ini boleh dikatakan telah bertambah baik dan saya yakin akan tiba masanya di mana tekanan untuk mendapatkan rumah awam kos rendah akan berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya berikan ulasan-ulasan terhadap komen dan teguran yang dibangkitkan

oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya harap ulasan-ulasan yang diberikan itu akan memuaskan hati Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

5.36 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kepada 14 orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh Kementerian saya iaitu Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Dan saya telah meneliti segala ucapan-ucapan oleh 14 orang itu dan cuba menjawab seberapa yang boleh satu persatu atas teguran-teguran itu.

Pertama, Ahli Yang Berhormat dari Parit telah membangkitkan tiga perkara besar. Perkara itu ialah pertama, memisahkan tugas-tugas Pegawai Daerah daripada Pemungut Hasil Tanah. Kedua, menilai semula taraf Pemungut Hasil Tanah, Penolong-penolong Pemungut Hasil Tanah dan Pegawai-pegawai Penempatan. Ketiga, membekalkan pejabat-pejabat tanah dengan alat-alat moden.

Saya menjawab satu persatu perkara yang dibangkitkan iaitu yang pertama tadi perkara memisahkan tugas Pegawai Daerah daripada tugas memungut Hasil Tanah.

Saya mengucapkan terima kasih kepada wakil dari Parit tentang pandangan berat beliau bahawa bukan sahaja pejabat tanah mempunyai kerja-kerja yang berlipatganda tetapi juga quantiti kerja bertambah-tambah. Sebenarnya saya sedar tentang perkara ini. Itulah sebabnya mengapa kita telah mengadakan satu seminar tanah pada 20hb September, 1973 dahulu. Seminar itu telahpun mengemukakan beberapa rumusan, 7 rumusan telah diterima oleh Kabinet. Satu daripada rumusan itu ialah untuk memisahkan tugas-tugas Pegawai Daerah dari tugas-tugas Pemungut Hasil Tanah ataupun sekarang kita panggil Pentadbiran Tanah Daerah. Ada beberapa negeri di Semenanjung Malaysia yang sudahpun menerima dan melaksanakan arahan Kabinet dan arahan Majlis Tanah Negara itu. Negeri-negeri yang telah menerima dan sedang mengamalkan arahan itu ialah negeri Pahang, Melaka, Trengganu, Perak, Kelantan, Selangor dan Johor. Saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Parit dan saya percaya

pemisahan tugas-tugas ini akan membawa faedah kepada pejabat tanah dan juga kepada rakyat amnya.

Perkara menilai semula taraf Pemungut Hasil Tanah dan Penolong-pegawai Penempatan dan lain-lain pegawai di dalam perkhidmatan tanah. Perkara ini juga sudah disedari oleh Kementerian saya sejak tahun 1976 lagi. Saya sekarang telah tahu bahawa pentadbiran tanah adalah satu lapangan pentadbiran yang memerlukan specialization. Kementerian saya sedang giat mengusahakan perkara-perkara yang berkait rapat dengan hal specialization ini. Tentulah kita juga perlu menilaikan grading Pemungut-pemungut Hasil Tanah dan lain-lain pegawai tanah. Dalam usaha ke arah ini, Kementerian saya sudah menetapkan objektif-objektif pentadbiran tanah, organisasinya, aktiviti-aktivitinya dan juga perlunya ada penyambungan pengalaman (continuity of experience) dalam pentadbiran tanah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Parit adalah diberitahu bahawa bila dikaji keseluruhan pentadbiran tanah di Semenanjung Malaysia kita dapati dua jenis pegawai-pegawai Pemungut Hasil Tanah. Yang pertama, Pegawai-pegawai Persekutuan yang berkhidmat di negeri-negeri seperti Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Melaka dan Pulau Pinang. Yang kedua, pegawai-pegawai yang berkhidmat di negeri-negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Trengganu dan Johor adalah perkhidmatan negeri masing-masing iaitu pegawai tanah di negeri itu adalah pegawai-pegawai negeri.

Ini adalah antara beberapa masaalah yang saya hadapi. Saya yakin masaalah ini akan diselesaikan dalam masa yang sesuai kelak.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada menyentuh berkenaan dengan INTAN dan latihan bagi pegawai-pegawai tanah. Suka-cita saya memberitahu Dewan Yang Mulia ini bahawa latihan untuk pegawai-pegawai tanah ada dibuat. Setakat ini sudah dua kali kita adakan kursus pentadbiran tanah untuk tahun 1978. Latihan pegawai-pegawai tanah itu adalah di bawah awasan Ketua Pengarah Tanah dan Galian yang mengikut susunan pentadbiran adalah di bawah kawalan Kementerian saya juga. Ingin saya tegaskan di sini bahawa aspek latihan pegawai-pegawai itu sentiasa berdasarkan perkara-perkara semasa dan "problem-solving oriented".

Perkara ketiga iaitu membekalkan pejabat-pejabat tanah dengan alat-alat moden. Cadangan ini juga sangatlah baik pada pendapat saya. Saya ingin memberitahu bahawa seboleh-bolehnya memang kita mahu alat-alat moden digunakan di pejabat-pejabat tanah. Sekarang kita, Tuan Yang di-Pertua, mengatur rancangan untuk mengadakan pungutan cukai tanah dengan menggunakan komputer. Adalah juga diberitahu bahawa kita ada pasukan pegawai-pegawai daripada Yunit Bertugas Tanah Malaysia yang mengkaji secara mendalam akan masalah yang real di pejabat-pejabat daerah dan tanah di Jelebu. Dengan adanya fact yang aktif dan semasa, saya yakin pentadbiran tanah akan dapat diperbaiki. Pendek kata, sikap Kementerian saya terhadap masalah-masalah pentadbiran tanah adalah open minded and objectives. Cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Tumpat adalah dialu-alukan. Walau bagaimanapun, Kerajaan memerlukan satu kajian yang mendalam sebelum berbuat demikian.

Lembaga-lembaga Pembangunan Wilayah yang ditubuhkan itu adalah bertujuan untuk mewujudkan berbagai peluang pekerjaan atau perniagaan untuk memenuhi keperluan orang-orang yang berkehendakkannya. Keperluan bekas-bekas perajurit tidak ditinggalkan dalam rancangan ini. Kerjasama Yang Berhormat diminta supaya menasihatkan bekas-bekas perajurit berhubung terus dengan Lembaga Pembangunan Wilayah masing-masing dan memberitahu kesanggupan mereka menyertai rancangan-rancangan yang ada disediakan. Untuk makluman Yang Berhormat itu, Lembaga Pembangunan Wilayah (DARA) atau Tenggara Pahang sedang mengalami sekarang kekurangan tenaga manusia dan sangat mengalu-alukan penyertaan bekas-bekas perajurit dalam rancangan itu. Sekarang pun dalam rancangan FELDA dan FELCRA ada diperuntukkan khas untuk bekas-bekas perajurit kita. Misalnya, Rancangan FELDA di Keratong Satu, Keratong Dua dan Keratong Tiga, tiga rancangan besar adalah disediakan khas bagi bekas-bekas perajurit dan di lain-lain kawasan FELDA ada diperuntukkan sehingga 20% boleh ditempatkan bekas-bekas perajurit asalkan mereka itu sanggup masuk menjadi peneroka.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab teguran Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, pembahagian semula tanah samadanya di kawasan padi ataupun kawasan yang lain-lainnya adalah sukar untuk dilaksanakan kerana sebelum dibahagi-bahagikan kawasan yang berkenaan perlu terlebih dahulu disatukan (consolidated) Proses penyatuan tanah ini memerlukan kerjasama yang penuh daripada tuan-tuan tanah dan petani-petani. Sebarang paksaan tidak boleh dilakukan tambahan pula kita belum lagi mempunyai akta khas kerana itu untuk menjalankan kerja-kerja penyatuan tanah. Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan tanah mereka ini ada dua ekar, tiga ekar, ada empat, ekar, bukan senang mereka itu menyerahkan tanah dan gerannya kepada pihak berkuasa dan dibahagi pula kepada mereka sama banyak, perkara ini tidak boleh dibuat cara jalan paksaan tetapi hendaklah kita kaji dengan sehalus-halusnya. Walau bagaimanapun, Kerajaan sememangnya sedar akan masalah-masalah seperti uneconomic size holding atau kawasan tanah yang amat kecil yang tidak cukup mereka itu mencari nafkah dan pemulihan tanah usaha-usaha ke arah penyelesaian masalah-masalah ini telahpun lama dijalankan oleh agensi Pembangunan Tanah FELDA, FELCRA, RISDA dan lain-lain. FELCRA sekarang ini sedang berusaha untuk menjalankan satu pilot project yang dinamakan Projek Pembangunan Setempat (in site development) di Negeri Kelantan. Tujuan mengadakan projek ini ialah untuk menyatukan tanah petani dan membahagikan pula kembali kepada petani-petani dengan keluasan yang difikirkan ekonomik lepas ditanam semula dengan cara petani yang moden. Projek ini Kerajaan terpaksa menambahkan lagi kawasan tanah supaya tiap-tiap seorang petani mendapat sebidang tanah yang lebih luas dan lebih ekonomik daripada sebelum projek itu dijalankan. Dengan cara ini sahaja baharu tuan-tuan tanah itu puashati nampaknya menyerahkan tanah masing-masing kepada Kerajaan untuk dipulihkan semula.

Yang Berhormat dari Kangar telah membangkitkan beberapa perkara. Pertama, beliau berharap supaya FELDA membuka lagi tanah di Perlis dan meminta penempatan FELDA itu dibuat kajian dengan adil, banyak orang yang berkenaan telah diambil tanahnya. Saya suka menjelaskan pembukaan tanah yang dilakukan oleh FELDA walau di mana

negeri pun adalah bergantung kepada kesesuaian tanah dan mestilah juga mendapat persetujuan Kerajaan Negeri terlebih dahulu yang mana di Perlis telah mendapat persetujuan Kerajaan Negeri. Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat yang menyatakan pegawai-pegawai FELDA hendaklah menjalankan tugas-tugasnya dengan tidak dipengaruhi oleh mana-mana parti politik. Saya menyatakan iaitu pegawai-pegawai FELDA tidak dibenarkan mengambil bahagian cergas dalam mana-mana parti. Mereka cuma boleh menjadi ahli biasa sahaja dalam mana-mana parti. Ini pada pandangan saya amatlah mustahak dipatuhi demi kepentingan dan kelicinan pengurusan dan pentadbiran FELDA.

Yang Berhormat dari Kangar juga telah membangkitkan berkenaan cadangan undang-undang tanah estet yang digubal itu dan cukai dinaikkan. Sukacita saya menjelaskan bahawa cukai ke atas tanah-tanah bermilik dalam sesuatu negeri adalah boleh dipinda dari satu masa ke satu masa oleh Kerajaan Negeri masing-masing. Kuasa ini adalah termaktub dalam Seksyen 1 Kanun Tanah Negara, cuma Ahli Yang Berhormat itu tidak rajin membaca. Tarikh bagi pindaan cukai tanah itu boleh ditentukan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri tetapi hendaklah diluluskan oleh Majlis Tanah Negara. Pindaan cukai tanah ini di bawah Kanun Tanah Negara telahpun diadakan pada tahun 1970 orang lalu dan mengikut undang-undang pindaan berikutan hanya boleh diadakan selepas 15 tahun daripada pindaan-pindaan yang telah dibuat di satu-satu negeri. Semasa pindaan cukai ini berjalan pada tahun 1970 cukai-cukai bagi ladang-ladang juga telah dikaji dan dipinda serta dinaikkan. Oleh itu tidak perlu diadakan undang-undang lain khas bagi meminda cukai tanah-tanah ladang. Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, pada masa akan datang Ahli Yang Berhormat itu tahu undang-undang ini kerana masing-masing sudah meluluskan undang-undang ini dan tidak payah lagi membangkitkan perkara undang-undang untuk saya menjelaskan tiap-tiap kali mesyuarat Parlimen.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah membangkitkan tentang perkara pentadbiran tanah yang amat kompleks. Beliau berharap supaya pandangan yang lebih berkesan diberi bagi melengkapkan pentadbiran tanah. Saya adalah sedar dengan apa

yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Padang Rengas itu. Untuk maklumannya pentadbiran tanah adalah sentiasa dikaji dari satu masa ke satu masa supaya perjalanannya adalah licin dan berkesan demi kepentingan rakyat amnya. Kementerian saya bersama-sama dengan pasukan bertugas yang telah dilantik oleh Kabinet sedang melaksanakan dengan kerjasama semua Kerajaan-kerajaan Negeri dan keputusan Seminar Pentadbiran Tanah 1973 itu untuk memodenkan pentadbiran tanah dari segi pengurusan dan juga kakitangan Kementerian ini juga bersama-sama dengan Yunit Pengurusan dan Kemajuan Tenaga Manusia di Jabatan Perdana Menteri sedang menjalankan satu kajian mendalam mengenai masalah-masalah pentadbiran ini dengan tujuan supaya cara-cara memperbaikinya dapat diadakan dari satu masa ke satu masa.

Cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu supaya tanah pertanian tidak lagi diberikan kepada pihak swasta untuk dimajukan, suka saya menyatakan di sini iaitu kuasa memberi tanah kepada mana-mana pihak adalah kuasa Kerajaan Negeri masing-masing dan bukan kuasa Kerajaan Persekutuan atau Kementerian saya. Tanah-tanah di dalam kawasan-kawasan Lembaga-lembaga Pembangunan Wilayah cuma boleh diberi kepada satu-satu pihak untuk dimajukan dengan persetujuan Kerajaan Negeri masing-masing selepas permohonan itu ditapis oleh pihak berkuasa Lembaga Pembangunan Wilayah dan diberikan sokongan.

Sebagaimana kita sedia maklum bahawa adalah dasar Kerajaan-kerajaan Negeri memberi tanah yang luas kepada agensi-agensi Kerajaan seperti FELDA, FELCRA, RISDA, Lembaga-lembaga Kemajuan Negeri masing-masing, Tabung Haji, Syarikat-syarikat Kerjasama dan sebagainya. Suka saya menyatakan iaitu sememang dasar Lembaga-lembaga Pembangunan Wilayah memberikan ketutamaan kepada agensi-agensi Kerajaan yang disebutkan tadi untuk memajukan mana-mana tanah dalam Wilayah mereka terutama sekali bagi projek-projek yang mana aconomic viability telah terbukti. Misalnya projek ladang kelapa sawit, getah, menanam koko dan lain-lain, bolehlah kita jalankan sendiri. Pihak swasta hanya dijemput menyertai projek-projek dengan cara usahasama (joint venture) dengan pihak Lembaga yang mana risk atau untung ruginya adalah tinggi

dapat dinafikan, tetapi perkara ini lebih-lebih lagi berlaku pada pendapat saya di kalangan pelajar-pelajar Bumiputra yang boleh dikatakan 90% daripadanya datang dari luar bandar, iaitu sektor yang telah diterima sebagai kenyataan, sebagai sektor yang termiskin sekali dalam masyarakat kita. Sekiranya pelajar-pelajar Bumiputra mampu untuk belajar di luar negeri maka pada pendapat saya sudah tentulah ramai di antara mereka yang telah lama berbuat demikian.

Saya sebenarnya sangat-sangat sedar dan insaf bahawa memang ada di kalangan ibubapa yang berasa hampa dan buntu terutamanya di kalangan ibubapa bukan Bumiputra tetapi mula dirasai juga oleh pihak Bumiputra, apabila anak-anak mereka tidak berjaya melanjutkan pelajaran tinggi sungguhpun setelah mendapat kelulusan baik dan difikir oleh mereka layak diterima. Dilema Kerajaan ialah bagaimanakah hendak kita memberi peluang melanjutkan pelajaran tinggi dengan seluas-luasnya dan dilaksanakan pula dengan konsep ketenteraman masyarakat dikira dari segi jangka panjang. Telah dipastikan dengan sehalus-halusnya bahawa cara-cara yang dipraktik sekarang inilah sahaja yang sesuai dengan hasrat matlamat jangka panjang negara kita. Walau bagaimanapun, sukalah saya mengambil kesempatan di sini menyatakan bahawa saya akan sentiasa memperhatikan masalah ini dan melaksanakan strateginya dengan dengan seberapa adil.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada handikap parti-parti pembangkang dalam sistem demokrasi berparlimen ialah bahawa mereka tidak mengetahui bilakah mereka akan menghadapi pilihanraya umum. Mereka cuma dapat membuat ramalan sahaja dan ramalan yang habis popular sekali sekarang ialah "tidak lama lagi". Dalam keadaan yang demikian, parti-parti pembangkang nampaknya semakin lama semakin desperate dan tenat kerana tidak ada issue rasional dan constructive yang boleh diungkit-ungkitkan oleh mereka berkenaan dengan pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional.

Issue-issue yang membangkitkan perasaan atau sentimen kemarahan dan ketakutan sahajalah yang dapat disambar oleh parti-

parti pembangkang ini. Di negara kita ini, di mana ujud masyarakat berbilang keturunan dan agama, kemungkinan mengexploitasi sentimen sentiasa ada. Soal memasukkan anak-anak kita ke universiti-universiti, misalnya, diambil angka-angka ini dan digunakan hujah-hujah dengan cara "out of context". Semuanya boleh ditafsirkan mengikut kaum dan semuanya pula boleh digunakan dengan tujuan membangun (positive) atau memusnah (negative). Saya mengucapkan syukur Alhamdulillah bahawa rakyat jelata negara kita telah menerima kenyataan bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah menggunakan kenyataan kompleks masyarakat kita ini untuk mengukuhkan pembinaan bangsa dan negara. Tetapi bahayanya ialah bahawa cabaran yang sehebat-hebatnya masih akan datang dari kumpulan apa yang saya panggil "desperados" politik yang nampaknya sedar bahawa hayatnya akan tamat. Dalam keadaan sesak ini, mereka sedia membuat apa-apa pun jangan-jangan, jauhkan Allah, masyarakat kita pun ditarik oleh mereka hancur lebur bersama-sama dalam proses mereka sendiri menghadapi kepastian lenyap dari muka bumi negara kita Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa membuat kenyataan yang baru saya buat tadi oleh sebab saya sendiri sangat-sangat sedar atas bahaya yang mungkin dihadapi oleh negara kita. Saya terpaksa membuat kenyataan ini oleh sebab kalau tidak kita berhati-hati sejarah kejadian-kejadian dalam negara kita yang telah mengancam keharmonian masyarakat kita mungkin berulang. Tanda-tandanya sudahpun jelas di mana parti politik pembangkang yang lama begitu gemar menggunakan issue-issue berasas perkauman masih lagi cuba mengambarrass Kerajaan dan parti-parti dalam Barisan Nasional.

Apa yang sedang dibuat oleh mereka ialah semata-mata bertujuan politik supaya mereka akan mendapat sokongan daripada rakyat jelata, asalkan mereka mendapat undi tidak kira dengan cara apapun. Apa juga peluang yang boleh diambil oleh mereka untuk

menyebabkan parti-parti politik di dalam Kerajaan kita berasa tertekan, berasaskan sentemen mereka mengambil peluang menggunakannya. Maklumlah seperti saya katakan tadi oleh sebab dipastikan oleh parti-parti Pembangkang bahawa pilihanraya akan diadakan tidak lama lagi, akan diadakan oleh mereka di dalam parti-parti pembangkang ini cuba sedaya upaya mencari jalan sebolehnya untuk memancing undi. Kita telahpun dapat melihat bukti keadaan tenat parti-parti pembangkang dalam negara kita ini di dalam pilihanraya yang telah diadakan di Kelantan baru-baru ini di mana telah jelas di kalangan rakyat jelata bahawa parti pembangkang yang menghadapi Kerajaan Barisan Nasional kita di dalam pilihanraya itu tidak

dapat mematahkan Kerajaan parti Barisan Nasional di dalam usaha-usaha mereka hendak memancing undi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat suka menyambung lagi esok?

Datuk Musa Hitam: Ya, saya suka menyambung pada hari esok.

Tuan Yang di-Pertua: Saya dapati ada 10 buah Kementerian lagi untuk diselesaikan pada hari esok dengan segera supaya dapat diteruskan perbahasan dalam perkara-perkara lain yang ada dalam urusan mesyuarat.

Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, 6hb April 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.